



MALAYSIA

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1141]

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 18:

Pengharaman Polis atas Pertunjukan Malam Kebudayaan Chun Lei
[Ruangan 1192]

USUL-USUL:

Akta Peraturan Kewangan, 1957:

Pelaburan Dalam Bank Pembangunan Malaysia [Ruangan 1195]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28), 1973 [Ruangan 1220]

Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1974 [Ruangan 1242]

DICETAK OLEH

MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, J.S.M., KETUA PENGARAH PERCETAKAN

SEMANANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1974

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Isnin, 29hb April, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Kewangan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Pelajaran, TUN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

, Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).

, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).

„ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

„ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

„ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

„ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

„ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

„ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

„ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

„ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

„ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

„ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).

„ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).

Yang Berhormat DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).

- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALIENG (Rejang).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibü).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DATUK DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).

Yang Berhormat TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).

- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR :

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

Yang Berhormat PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

- " TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- " TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- " DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- " TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).
- " TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- " DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- " TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- " TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- " TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- " Tuan HOR CHEOK FOON (Damansara).
- " TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- " TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " DATUK MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- " TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- " TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- " Wan MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- " TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- " DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- " TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN, A.M.P. (Ipoh).
- " DATUK SRI S. P. SEENTVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- " TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- " TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- " TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- " DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).

- " Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suher bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KERJASAMA SEKTOR SWASTA

1. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau bercadang mengambil tindakan-tindakan tegas terhadap sektor swasta terutamanya firma-firma asing yang hanya membuat janji mulut untuk bekerjasama dengan Kerajaan dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan samada alasan bahawa orang-orang Melayu tidak berkebolehan dalam perniagaan dan perusahaan boleh diterima oleh Kerajaan, dan nyatakan juga samada Kerajaan bercadang menyingkir firma-firma yang enggan menerima orang-orang Melayu menjadi kongsi-kongsi mereka dalam perniagaan dan perusahaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pihak sektor swasta telah diminta bekerjasama dengan Kerajaan dalam melaksanakan Dasar-dasar Ekonomi Baru, yang antara lain, menghendakkan firma-firma menentukan supaya kumpulan pekerja-pekerja mereka mencerminkan kedudukan peratus penduduk-penduduk berbilang kaum di negara ini, dan supaya peluang-peluang perniagaan dan perusahaan baru dibuka kepada ahli-ahli bumiputra.

Setakat ini bolehlah dikatakan bahawa kerjasama yang diberikan oleh sektor swasta adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya terdapat firma-firma yang enggan memberi kerjasama dalam perkara ini.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan kiranya firma-firma asing yang tidak dapat menerima arahan ini tindakan tegas akan diambil oleh Kerajaan. Adakah tindakan yang tegas itu bermaksud akan menjadikan firma-firma itu hak milik negara?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soal ini belumlah timbul lagi, sebab tidak ada firma yang enggan menurut perintah Kerajaan. Saya percaya firma-firma memberi kerjasama atas panggilan Kerajaan dan mereka itu akan menurut kehendak-kehendak Kerajaan.

HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN CHINA

2. Tuan Yeoh Teck Chye (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Luar Negeri:

- (a) apa kemajuan telah dilakukan untuk menubuhkan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China;
- (b) apakah sebab-sebab yang melambatkan pertukaran duta-duta di antara dua buah negara ini hingga sekarang; dan
- (c) dapatkah beliau menyatakan hari yang tepat pertukaran duta-duta tersebut akan diumumkan di antara dua buah negara tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kemajuan dalam rundingan kita dengan Republik Rakyat China adalah sangat memuaskan dan pada masa ini adalah di dalam peringkat akhir.
- (b) Soal kelambatan tidak timbul di sini. Di dalam rundingan-rundingan ini terdapat masalah-masalah yang rumit yang tentu sekali memakan masa sedikit untuk diselesaikannya.
- (c) Saya akan membuat satu kenyataan mengenai perkara ini apabila sampai masanya.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Tidak berapa lama dahulu di dalam Dewan Rakyat ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata masalah yang sulit ialah suku juta orang-orang China yang diperanakkan di sini tidak ada warganegara. Masalah itu sudah diselesaikan atau belum?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada sebut apa-apa. Apa yang saya sebut masalah berkaitan dengan dua buah negara. Saya tidak sebut apa-apa butirnya.

Tuan Ng Hoe Hun: Barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah lupa. Soal saya berkenaan dengan pengiktirafan Negara Tiongkok. Tidak berapa lama dahulu saya ada bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri betul atau tidak iaitu pengiktirafan Negara Tiongkok oleh Malaysia tidak dijalankan, sebab masaalah suku juta orang-orang China di Malaysia yang diperanakan di sini tidak ada warganegara. Jawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu soal sulit. Adakah soal sulit itu sudah diselesaikan atau belum?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sulit bagaimana hendak tahu.

Tuan Ng Hoe Hun: Pada masa dahulu sulit, tetapi sekarang barangkali tidak sulit lagi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan perundingan antara dua negara adalah perundingan yang dijalankan dengan sulit, dan apabila sampai masanya saya akan membuat penerangan atas hal ini.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju bahawa perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China ini kita patut berpegang kepada pepatah Melayu: biar lambat asalkan selamat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, itu benarlah; semua perkara yang Kerajaan buat macam itu juga.

GAJI SAMA

3. **Tuan Yeoh Teck Chye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) adakah Kerajaan bersetuju untuk membayar gaji yang sama untuk pekerja yang sama kepada wanita-wanita di semua bidang Jabatan Kerajaan; atau
- (b) jika ya, bilakah akan dijangka dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam Perkhidmatan Awam, penetapan gaji adalah berasaskan kepada perinsip-perinsip yang diperakukan oleh Suruhanjaya Gaji Suffian. Mengenai perkara bayaran gaji

sama bagi pekerja wanita dan lelaki, prinsip yang telah diwujudkan oleh Suruhanjaya itu ialah, "women should get the same pay as men for doing the same work and if they accept the same conditions of service". Oleh itu, jika terbukti bahawa pekerja wanita dan lelaki menjalankan tugas dan memikul tanggungjawab yang sama serta tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan yang serupa, maka mereka adalah dibayar gaji yang sama. Baru-baru ini anggota Polis wanita telah diberi gaji yang sama dengan anggota Polis lelaki.

KEMISKINAN—MENGATASI

4. **Tuan Ng Hoe Hun** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta kepada Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masaalah kemiskinan tanpa mengira kaum, ugama dan keturunan memandangkan ianya adalah unsur yang penting sekali bagi menghapuskan keganasan anasir-anasir subversif atau komunis di negeri ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa usaha mengatasi masaalah kemiskinan tanpa mengira kaum, ugama dan keturunan, adalah satu langkah yang penting bagi menghapuskan pengaruh anasir-anasir subversif dan militant komunis di negara kita ini. Langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masaalah kemiskinan tanpa mengira kaum, ugama dan keturunan itu telah sedia dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Penyemakan-nya yang telahpun diluluskan oleh Dewan ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah kemajuan yang diperolehi masaalah kemiskinan ini Kerajaan telah berpuas hati dengan apa yang ada sekarang?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua saya fikir atas perkara ini bukan sahaja Kerajaan berpuas hati, Dewan ini pun telah berpuas hati.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju bahawa satu cara yang lebih tepat untuk mengatasi masaalah kemiskinan tanpa mengira kaum ini mestilah orang-orang yang bukan bumiputra yang

agak hartawan dan jutawan dalam negara kita ini lebih banyak menolong bumiputra bersama-sama dengan Kerajaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini pun satu cara kita harap dapat dijalankan juga.

PERNAS—SYARIKAT PERLOMBONGAN

5. Tuan Mustapha Hussain bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) bilakah Syarikat Perlombongan PERNAS akan menjalankan kerja mengorek bijih di kawasan Perairan Lumut iaitu seluas 15,713 batu persegi;
- (b) berapa banyak wang akan dibelanjakan oleh Syarikat tersebut bagi rancangan ini; dan
- (c) berapa buah kapal korek akan dibeli dan di manakah sumber-sumber pinjaman wang untuk projek tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya tidak boleh menjawab soalan-soalan mengenai PERNAS dan syarikat-syarikat naongannya, kerana PERNAS dan syarikat-syarikat naongannya adalah syarikat-syarikat sendirian berhad yang didaftarkan di bawah Companies Act.

LAPURAN SURUHANJAYA GAJI HARUN

6. Tuan Ng Hoe Hun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Sekim Harun akan dilaksanakan memandangkan kepada keadaan pekerja-pekerja yang telah menunggu lama untuk masuk ke dalam perkhidmatan tetap.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam persidangan Dewan Rakyat pada 3hb Disember, 1974, dalam menjawab soalan yang sama daripada Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat, saya telahpun memberitahu kedudukan dan tatacara kajian yang akan dibuat terhadap Lapuran Suruhanjaya Gaji Harun mengenai Kuasa-kuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun sebelum ianya dipertimbangkan oleh Kera-

jaan. Sebagai tambahan kepada apa yang telah dijelaskan, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat akan kedudukan Lapuran itu sekarang.

Kesatuan-kesatuan sekerja telahpun memberi ulasan mereka terhadap Lapuran Pertama Suruhanjaya Gaji Harun mengenai Kuasa-kuasa Tempatan (Local Authorities) dan Jawatankuasa Pegawai yang telah dilantik untuk mengkaji Lapuran ini telahpun menyiapkan tugas-tugasnya. Kerajaan sekarang ini sedang menunggu ulasan balas dari Suruhanjaya Gaji Harun terhadap ulasan dari Kesatuan-kesatuan Sekerja dan juga Lapuran Jawatankuasa Pegawai dan selepas diterima ulasan balas itu Kerajaan akan menimbangkan Lapuran itu bersama dengan ulasan-ulasan dari semua pihak. Sebaik sahaja tatacara tersebut disempurnakan Kerajaan akan menimbangkan lapuran ini dengan secepat mungkin. Lapuran kedua pun akan ditimbangkan dengan cara yang sama.

SURUHANJAYA GAJI HARUN

7. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Perdana Menteri samada pekerja-pekerja dalam Badan-badan Berkanun dan sektor Separuh Kerajaan berpuas hati dengan cadangan Suruhanjaya Harun. Jika tidak, apakah yang beliau bercadang akan buat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya jelaskan dalam jawapan kepada pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bruas, Lapuran Suruhanjaya Gaji Harun yang lengkap mengenai Badan-badan Berkanun baru sahaja diedarkan dalam bulan Mac yang lalu untuk mendapat ulasan-ulasan dari Kesatuan-kesatuan Sekerja. Atas permintaan Kesatuan-kesatuan Sekerja sendiri tarikh akhir untuk mereka memberi ulasan terhadap Lapuran itu telah dilanjutkan sehingga bulan Jun 1974. Dengan itu, tidaklah dapat saya memberitahu Ahli Yang Berhormat sekarang ini akan sambutan pekerja-pekerja di Badan-badan Berkanun terhadap Lapuran tersebut. Walau bagaimanapun, apabila kesemua ulasan dari Kesatuan-kesatuan Sekerja diterima, Suruhanjaya Gaji Harun akan memberi ulasan balas ke atasnya dan pihak Kerajaan akan seterusnya menimbangkan ulasan-ulasan dari kedua-dua pihak itu dengan sewajarnya.

BIRO SIASATAN NEGARA— MENTERI BESAR SELANGOR

8. Tuan Loh Jee Mee minta Perdana Menteri menyatakan samada Biro Siasatan Negara sedar:

- (a) tentang sepucuk surat terbuka yang telah disebarkan kepada orang ramai menuduhkan Yang Berhormat Menteri Besar Selangor telah mendapat harta sebanyak \$60,000,000 dan samada beliau telah mengarahkan Biro Siasatan Negara menyiasat tuduhan itu; dan
- (b) bahawa ada juga dakwaan menyatakan tempat kediamannya sekarang adalah bernilai \$1.4 juta, jika ya, adakah beliau mengarahkan supaya satu siasatan diadakan untuk mengetahui bagaimana Yang Berhormat Menteri Besar itu begitu banyak wang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Biro Siasatan Negara memang sedar "tentang sepucuk surat terbuka yang telah disebarkan kepada orang ramai yang menuduh Menteri Besar Selangor telah mendapat harta sebanyak \$60,000,000. Surat itu adalah surat terbang yang tidak bertandatangan. Sebagai satu Badan yang bertindak dengan bebas, Biro Siasatan Negara sememangnya membuat penyiasatan terhadap tuduhan itu.
- (b) Sebagaimana saya katakan tadi, Biro Siasatan Negara ialah satu Badan yang bertindak dengan bebas, maka tentulah ia menyiasat maklumat-maklumat yang telah diperolehi berkenaan dengan sesiapa pun.

BUMIPUTRA—PINJAMAN BANK PERDAGANGAN

9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah peranan yang dimainkan oleh bank-bank perniagaan untuk menggalakkan penyertaan orang-orang Melayu dalam lapangan perniagaan; dan
- (b) sehingga kini berapa dan bank-bank manakah yang telah berbuat demikian serta jumlah wang yang telah digunakan untuk membantu orang-orang Melayu dibandingkan dengan jumlah untuk orang-orang bukan Melayu.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bank perdagangan ada memberi pinjaman kepada bumiputra, termasuk pinjaman-pinjaman yang diberi di bawah sekim jaminan kredit. Pada hujung tahun 1973 jumlah pinjaman yang telah diberi oleh bank-bank perdagangan kepada bumiputra berjumlah sebanyak \$308 juta. Untuk menambahkan lagi pinjaman bank-bank kepada bumiputra, Bank Negara Malaysia telah mendesak bank-bank menubuhkan yunit khas atau melantik pegawai yang tertentu dengan tanggungjawab untuk menguruskan pinjaman kepada bumiputra. Pegawai-pegawai ini juga dikehendaki mencari projek yang layak diberi pinjaman serta berhubung rapat dengan peniaga-peniaga bumiputra. Pada masa ini sebanyak 32 bank telah menubuhkan yunit-yunit ini, termasuk yunit bergerak (mobile unit) dan bank-bank lain juga sedang mengambil langkah yang demikian.
- (b) Semua bank-bank perdagangan, samada yang telah menubuhkan atau belum lagi menubuhkan yunit khas, telahpun memberi pinjaman kepada bumiputra. Pinjaman-pinjaman ini berjumlah \$308 juta pada hujung tahun 1973 berbanding dengan \$4,018 juta yang diberi kepada orang-orang yang bukan bumiputra.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa untuk mendapat jaminan kredit daripada bank-bank perniagaan amatlah sulit di mana pihak pengurus-pengurus yang berkenaan. Misalnya, pengurus di daerah-daerah dan negeri-negeri kurang memberi layanan kepada pemohon-pemohon untuk mendapat jaminan itu daripada pihak yang berkenaan. Jika sedar, apakah tindakan yang selanjutnya yang telah diambil?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai keraguan ini kita telah meminta kepada Bank Negara supaya mengkaji masaalah ini dan mengambil langkah-langkah yang tertentu supaya masaalah ini tidak akan timbul lagi pada masa hadapan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini bank manakah yang telah menjalankan tindakan yang lebih berjaya dalam pemberian jaminan kredit itu, kerana setahu saya hanya ada sebahagian bank sahaja yang telah memberi ataupun menyumbangkan tenaga lebih baik, sedangkan banyak bank lain masih belum menjalankan usaha itu dengan bersungguh-sungguh.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis mengenai soalan itu.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Mengikut keterangan Timbalan Menteri, kalau tidak silap pendengaran saya, ada 32 yunit samada bergerak atau tidak ditubuhkan oleh bank untuk menolong Saya ingin mendapat penjelasan 32 yunit itu sebahagian besarnya bergerak di Pantai Barat atau di Pantai Timur.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan tadi bukan 32 yunit bergerak, tetapi di antara 35 buah bank yang ada di Malaysia ini baik bank asing ataupun bank tempatan, 32 daripada bank-bank itu telah menubuhkan yunit khas yang mana setengah daripada bank itu juga mengadakan perkhidmatan bergerak yang menjalankan kegiatannya di kawasan luar bandar. Berkenaan kawasan mana yunit bergerak ini bergerak, ini tak dapat saya terangkan sekarang ini, kerana ini merupakan soalan yang baru.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya rancangan menggalakkan bumiputra dalam perdagangan dan perusahaan, adakah bank-bank itu berkehendakkan bumiputra mendapatkan cagaran ataupun tidak payah cagaran pinjaman akan diberi.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengikut pinjaman melalui syarikat pinjaman kredit, syarikat ini memberi pinjaman tanpa jaminan bagi pinjaman-pinjaman yang tidak melebihi \$30,000 dan bagi pinjaman-pinjaman yang melebihi \$30,000 tetapi tidak melebihi \$100,000, jaminan yang diberi ialah setakat 60% daripada pinjaman itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa di antara kesulitan yang dihadapi oleh ahli-ahli perniagaan orang Melayu ketika meminjam kepada bank yang disebutkan tadi bahawa pihak bank perniagaan ini berkehendakkan cagaran. Cagaran yang boleh diberi oleh orang Melayu ialah geran tanah kawasan Malay Reservation, tetapi malangnya pihak bank ini tidak dapat menerima. Kalau Kementerian ini sedar, bolehkah dia berusaha kepada bank yang tersebut bagi meluputkan syarat sebagaimana yang ada sekarang?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi kalau pinjaman itu dibuat melalui syarikat jaminan kredit yang mana bank-bank perdagangan juga bertanggungjawab kepada syarikat itu, maka pinjaman setakat \$30,000 tidak diadakan jaminan-jaminan. Masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ini saya rasa mungkin satu masalah baru kepada saya.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Kalau lebih daripada \$30,000?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah cakapkan tadi. Jadi saya fikir tidak patutlah saya ulangkan semula kerana telah terang dalam jawapan saya tadi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Saya membangkitkan masalah ini sebab bagi pihak orang Melayu yang berniaga telah memberitahu saya dan juga setengah-setengah wakil rakyat iaitu pihak bank ini enggan menerima cagaran-cagaran daripada geran-geran kawasan Malay Reservation ini. Untuk mengatasi perkara ini adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberikan jasa baik dalam masalah ini?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ada berjumpa dengan masalah yang demikian, saya rasa kalau hendak dikemukakan dalam Dewan ini sahaja ianya mungkin akan menjadi catitan sahaja, tetapi kalau hendak mengatasi masalah ini dengan berkesan samada berhubung dengan saya atau berhubung dengan Bank Negara supaya masalah-masalah yang tidak wajar ini dapat kita atasi dengan lebih berkesan lagi.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Timbalan Menteri yang bertanggungjawab mengatakan tadi bahawa \$30,000 tidak payah dengan jaminan tetapi kalau \$35,000 ke atas dengan dua orang penjamin atau tiga orang penjamin. Bagi Malayan Banking jika \$30,000 ke atas berkehendakkan bukan jaminan, kalau silap entah siapa yang salah faham saya tidak tahulah, tetapi \$30,000 ke atas berkehendakkan cagaran geran. Betul atau tidak dikehendaki begini?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Dewan ini sedang menimbang usul mengenai Bank Pembangunan ini, dalam saya menggulung perbincangan mengenai usul ini perkara ini akan dijawab.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan tidak berapa banyak bumiputra pinjam duit daripada bank. Saya ada berunding dengan pihak bank-bank di seluruh Malaysia dan katanya, one way traffic sahaja, boleh pinjam, tetapi tidak dibayar. Adakah perkara ini betul atau tidak?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, itu kenyataan Ahli Yang Berhormat sendiri.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, ini masaalah yang penting sekali, sebab itu saya bawa soal ini dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Betullah penting!

Tuan Ng Hoe Hun: Apa sebabnya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan beliau kata tidak boleh beri jawab. Kata beliau itu pendapat Ahli Yang Berhormat sendiri. Perkara yang macam itu pada pendapat Ahli Yang Berhormat sendiri, bukan pendapat beliau.

Tuan Ng Hoe Hun: Kalau saya boleh bawa bukti, apakah tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak ambil?

Tuan Yang di-Pertua: Itu perkataan "kalau". Jangan menghabiskan masa!

LESEN KEPADA PERUNCIT-PERUNCIT

10. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau akan memberi masa yang cukup kepada penjual runcit untuk mengambil lesen untuk menjual barang-barang yang dikawal.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, peraturan perlesenan di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961 memberi masa 30 hari untuk peruncit-peruncit meminta lesen-lesen mereka.

Kerajaan pada mulanya telah memutuskan bahawa tempuh 30 hari ini bermula daripada 22hb Mac, 1974. Mengikut laporan-laporan yang diterima dari seluruh negeri, oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, masih begitu banyak lagi peruncit-peruncit yang belum membuat permohonan untuk mendapatkan lesen-lesen itu. Memandangkan kepada keadaan ini pihak Kerajaan telah memutuskan tempuh 1 bulan yang bermula daripada 22hb Mac, 1974 itu akan dilanjutkan kepada masa yang akan ditentukan nanti. Pihak Kerajaan akan memerhati kedudukan ini dalam tempuh yang baru ditetapkan itu dan kalau difikirkan perlu, tindakan sewajarnya akan diambil.

Perkara ini telahpun diumumkan pada 23hb April, 1974 yang lepas.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Beribu-ribu peruncit bersyukur dan berterima kasih kepada Timbalan Menteri yang berkenaan yang sekarang melanjutkan masa untuk mereka mengambil lesennya, tetapi adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar oleh sebab exercise ini bukan untuk satu atau dua, beribu-ribu peruncit di seluruh Semenanjung Malaysia mahupun di Sarawak dan Sabah samada Kementeriannya boleh menimbang dengan teliti sebelum Kementeriannya menamatkan masa untuk mengambil lesen.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, berasas kepada jawapan saya tadi jelaslah bahawa Kementerian akan menimbang kedudukan ini dari semasa ke semasa untuk kepentingan peruncit-peruncit sama juga dengan untuk kepentingan rakyat.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar apabila peruncit pergi ke pejabat yang tertentu mereka terpaksa menunggu satu hingga tiga hari. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan mengambil tindakan supaya peruncit-peruncit yang hendak mengambil lesen ini tidak payah menunggu di pejabat yang tertentu dan membuang masanya?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soal yang dihadapi oleh Ahli Yang Berhormat ini memang benar terjadi di separuh tempat disebabkan oleh soal pentadbiran dan sebagainya. Disebabkan itulah kita telah melanjutkan masa seperti saya sebutkan tadi, dan pihak Kementerian sedang mendapatkan laporan tiap-tiap minggu daripada tiap-tiap daerah di seluruh negara ini atas kedudukan pada masa tiap-tiap minggu itu dan memberi apakah sebabnya peruncit-peruncit di dalam kawasanya tidak dapat mendaftarkan ataupun membuat permohonan, dan samada pihak Kerajaan di peringkat Negeri atau Federal akan dapat mengambil tindakan untuk menyenangkan permohonan-permohonan yang dibuat oleh peruncit-peruncit itu. Itulah tindakan yang sedang diambil.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri Yang berkenaan sedar antara peruncit yang kecil sekali ada beberapa orang buta huruf. Mereka dapat borang tetapi tidak tahu baca, tidak tahu bagaimanakah mereka hendak mengisi borang itu. Adakah Kementeriannya mengambil tindakan supaya peruncit-peruncit yang buta huruf (illiterate) dibantu oleh Kementerian atau pejabat-pejabat yang tertentu?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Keadaan ini sedang disedari oleh Kerajaan dan saya akan mengambil apa juga tindakan untuk menyenangkan kedudukan yang dihadapi oleh peruncit-peruncit kecil yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Oleh kerana pada masa ini terdapat kelewatan di dalam memproseskan permohonan untuk lesen-lesen menjual cara runcit ini, adakah sedikit-sebanyak berpunca dari adanya satu perubahan. Dahulu pihak Kementerian sendiri mengeluarkan

borang-borang daripada Kementerian Perdagangan, kemudian sesudah kuasa diberi kepada Pejabat Daerah, maka Pejabat-pejabat Daerah pula membuat satu borang yang lain yang menyebabkan pelesen-pelesen kecil ataupun peruncit yang telah mengisikan borang yang pertama dahulu terpaksa ditolak dan diminta mengisi borang baru yang dibuat oleh Pegawai-pegawai Daerah di dalam negara kita ini. Adakah itu salah satu daripada sebab yang terjadi kelewatan memproseskan permohonan ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya kejadian ini tidak berlaku, tetapi apa yang berlaku ialah bahawa pihak Kementerian telah menghantar sample bagaimanakah borang-borang ini harus dibuat oleh Pejabat-pejabat Daerah tetapi borang ini ialah uniform ataupun sama di seluruh negara. Mungkin agaknya terjadi kesalahan di beberapa peringkat yang tertentu apabila meniru ataupun membuat borang ini. Barangkali tentulah di dalam masa sebulan ini oleh sebab ekseseis ataupun tindakan untuk mendaftarkan ataupun untuk menerima permohonan-permohonan ini diberi masa yang begitu pendek tentulah terjadi kekeliruan sedikit-sebanyak di mana-mana peringkat. Itulah sebabnya, saya jelaskan sekali lagi, maka saya dilanjutkan lagi untuk menyenangkan keadaan ini.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya saya dapat menunjukkan perbezaan yang besar antara borang yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dengan borang yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah di tempat saya, bolehkah Yang Berhormat Menteri menentukan manakah satu borang yang sebenarnya?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, boleh.

PERKHIDMATAN KEHAKIMAN— LETAK JAWATAN

11. Dr Tan Chee Khoo (di bawah S.O. 24 (2)) minta Peguam Negara menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi perletakan jawatan pegawai-pegawai kanan dalam jabatan pengadilan yang telah menjejaskan pentadbiran keadilan di mahkamah.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak pegawai-pegawai kanan dalam Perkhidmatan Kehakiman meletakkan jawatan dalam masa kebelakangan ini. Dengan hal yang demikian,

Kehakiman tidaklah terjejas. jawatan oleh pegawai-pegawai adalah suatu perkara biasa dan tidak ramai yang meninggalkan perkhidmatan baru-baru ini. Segala usaha adalah dijalankan untuk mengekalkan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan. Baru-baru ini Kerajaan telah menyemak struktur-gaji mereka dan pegawai-pegawai boleh menyandang pangkat Tingkatan Biasa Kanan dengan gaji sebanyak \$1,500 sebulan setelah berkhidmat tidak kurang daripada 3 tahun. Juga, Kerajaan menawarkan biasiswa-biasiswa siswazah lanjutan kepada sebilangan pegawai-pegawai yang layak. Walau bagaimanapun, perlulah diingat iaitu apabila pegawai-pegawai meletakkan jawatan, mereka berbuat demikian kerana kebaikan masa depan mereka sendiri. Mereka boleh bekerja dengan sektor swasta atau dengan sendiri yang mungkin memberi prospek yang lebih baik dan Kerajaan tidak berniat hendak menghalang mereka oleh kerana bukanlah dasar Kerajaan untuk berbuat sedemikian.

SIMEN TASEK DI IPOH

12. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri dengan Tugas-tugas Khas menyatakan keputusan lawatan beliau baru-baru ini ke Kilang Simen Tasek di Ipoh yang mencemarkan udara sekelilingnya dan membahayakan kesihatan orang-orang dewasa dan kanak-kanak di situ.

Menteri Tugas-tugas Khas (Tuan Michael Chen Wing Sum): Tuan Yang di-Pertua, saya telah melawat Kilang Simen Tasek di Ipoh pada bulan Februari akibat aduan-aduan yang diterima. Saya dapati bahawa jumlah kekotoran telah melebihi paras biasa iaitu 89 miligram per cubic metre. Paras biasa ialah 80 miligram per cubic meter. Saya telah mengarahkan kilang tersebut supaya patuh tepat kepada paras biasa itu dan juga memecahkan batu-batu pada waktu pagi dan bukan pada tengah hari untuk mengurangkan habuk-habuk berterbangan di udara. Pihak pengurus telah bersetuju untuk membaiki langkah-langkah mencegah kekotoran.

Tuan Loh Jee Mee: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar, kanak-kanak yang tinggal dekat dengan Tasek Cement Factory ini telah menghidap sejenis penyakit yang membahayakan paru-paru mereka. Jika ya, apakah tindakan Kementerian beliau telah atau akan ambil untuk menyelamatkan nyawa kanak-kanak itu?

Tuan Michael Chen Wing Sum: Tuan yang di-Pertua, saya tidak mengetahui kanak-kanak yang tinggal berdekatan dengan kilang itu terganggu kesihatan mereka.

PERJUDIAN—HAPUSKAN

13. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak menghapuskan semua sekali perjudian di dalam negeri; jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, bagi matlamat akhir kita berusaha untuk menghapuskan semua jenis perjudian. Tetapi dari segi praktikal terpaksa kita gunakan cara yang beransur-ansur kerana soal judi ini hanya soal jenayah malah satu penyakit masyarakat. Oleh yang demikian rakyat diminta bekerja sama untuk menghapuskan judi umpamanya anak-anak tentang bahaya judi, bukan sahaja tindakan dari Kerajaan dan jika Kerajaan menekankan perjudian-perjudian sebagai satu jenayah, ia akan ditimbulkan secara haram dan mungkin lebih besar lagi.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Menteri yang berkenaan sedar, Kerajaan Pulau Pinang akan menubuhkan sebuah Casino di Pulau Pinang? Jika beliau sedar, apakah tindakan Kerajaan Pusat akan ambil tentang permohonan ini yang akan membesarkan perjudian di Pulau Pinang?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soal itu adalah lari sedikit dari soalan asal.

Tuan Ng Hoe Hui: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya berkenaan dengan lesen perjudian dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat ini maklum bahawa di Genting Highlands ada sebuah Casino. Bolehkah Menteri memberitahu kepada siapakah lesen itu dikeluarkan?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Soal itu juga lari daripada soalan asal.

Tuan Mustapha bin Hussain: Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada soalan asal saya, beliau ada merayu kepada rakyat untuk menghapuskan perjudian. Bagaimana pula Kerajaan boleh memberi lesen kepada Casino. Ini bertentangan dengan seruan beliau.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soal judi yang bahaya ini bukanlah soal casino atau lumba kuda yang diberikan lesen oleh Kerajaan itu. Tetapi soal perjudian yang lebih bahaya daripada yang bahaya ialah perjudian-perjudian yang haram, yang kita biasa lihat di belakang-belakang kedai kopi ataupun di tempat-tempat terpencil dan lain-lain lagi. Jadi, soal inilah yang dirayu supaya ibubapa juga mengambil perhatian supaya anak-anak mereka tidak dihindangi penyakit perjudian.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dalam masalah perjudian-perjudian di negeri ini, adakah dua jenis perjudian iaitu satu perjudian halal dan satu perjudian haram?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, judi semuanya haram.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah sedikit sebanyaknya perjudian ini ada mendatangkan faedah kepada negara?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, perjudian yang diberi lesen oleh Kerajaan bukannya halal tetapi diberi lesen oleh Kerajaan yang mendatangkan faedah kepada negara.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri yang berkenaan menyatakan semua perjudian haram. Kata-nya lesen yang diberi kepada casino itu tidak halal, tetapi apa yang saya bertanya kepada Menteri yang berkenaan ialah kalau semua perjudian haram, mengapakah Kerajaan memberi lesen kepada Kelab-kelab Lumba Kuda (Turf Clubs) dan Casino dibenarkan?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan halal ialah dari segi undang-undang. Tetapi dari segi Ugama Islam perjudian itu haram.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tidak mengerti dan saya minta Menteri memberi penjelasan kepada soalan saya. Saya tidak mengerti sebab casino boleh dapat lesen perjudian, tetapi di kedai-kedai kopi tidak boleh dapat lesen atau tidak boleh berjudi dan salah. Apakah sebabnya?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat itu tolong ulang sekali lagi soalan itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita ada di kedai kopi bermain pakau, itu salah dan Polis boleh menangkap, tetapi jikalau saya pakai coat dan saya ada wang banyak pergi ke Genting Highlands, boleh main pakau. Adakah itu salah atau tidak?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi bahawa ada judi yang dihalalkan pada segi undang-undang. Kalau mereka bermain di sini tidak salah. Tetapi judi yang tidak dihalalkan pada segi undang-undang, kalau didapati mereka bermain, dapat ditangkap, maka itu adalah salah.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, kalau rakyat meminta lesen perjudian di dalam kedai kopi, bolehkah mereka mendapat lesen?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Itu tidak payah dijawab, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, adakah maksud Kerajaan menentukan kawasan-kawasan yang tertentu yang dihalalkan dari segi undang-undang di tempat perjudian di kawasan-kawasan yang tertentu pula tidak dihalalkan perjudian ialah untuk membolehkan masyarakat kita mengenali bahawa itulah gulungan judi dan itulah gulungan yang tidak berjudi.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, masa yang sudah begitu lah kedudukannya.

SAHAM SYARIKAT MATAHARI DI SUBANG

14. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar kebanyakan saham-saham Syarikat Matahari di Subang telah dijual kepada orang bukan bumiputra sedangkan permohonan daripada pemandu-pemandu syarikat tersebut untuk membeli saham-saham di Syarikat Matahari telah ditolak; dan
- (b) adakah beliau juga sedar bahawa Syarikat Matahari berkehendakkan pertaruhan dan juga telah menaikkan sewa teksi-teksi mereka; jika ya, bolehkah Menteri menyiasat keadaan ini dan mengambil tindakan sewajarnya.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar perkara ini dan beliau telahpun bercakap dengan panjangnya dalam perbincangan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Dewan ini dan saya telahpun menerangkan pada 22hb April, 1974 yang lalu berkenaan dengan drebar-drebar Syarikat Matahari yang hendak membeli saham syarikat tersebut. Ini terpulanglah kepada Pengarah-pengarah Syarikat itu untuk bersetuju atau tidak bersetuju. Itu tidak ada kena mengenai dengan Kementerian. Itu syarikat.

(b) Saya tidak sedar. Kalaulah drebar-drebar ada buat pengaduan-pengaduan kepada Kementerian yang kita belum ada menerimanya lagi dan kalau kita ada menerima, kita akan menyiasat. Kalaulah perbuatan itu bertentangan dengan undang-undang, atau syarat-syarat permit itu dikeluarkan, kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar walaupun penjualan saham ini bukan tidak boleh dibuat dengan secara rasminya, tetapi ada under the counter jualan itu. Adakah Menteri yang berkenaan sedar, dan jika sedar, bolehkah Yang Berhormat Menteri menyiasat perkara ini untuk mengambil tindakan yang sewajarnya?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, apabila Ahli Yang Berhormat dari Batu menanyakan saya under the counter, maknanya benda yang sulit.

Sebagai peguam, saya tahu perkara-perkara itu, tetapi kalau Yang Berhormat ataupun drebar-drebar itu ada bukti yang terang atas pengaduan itu, tentulah pihak pegawai saya akan menyiasat atas perkara itu.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar pemandu-pemandu teksi atau drebar-drebar itu mereka hendak membeli saham di Syarikat Matahari itu. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab, itu terpulanglah kepada syarikat. Bolehkah Menteri yang berkenaan menolong atau menasihatkan syarikat itu membesarkan syarikatnya dan meluaskan sahamnya supaya pemandu-pemandu atau drebar-drebar di syarikat itu boleh membeli saham yang baru?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini patut tahu berkenaan dengan Undang-undang Persyarikatan. Syarikat ini private enterprise. Syarat-syaratnya ada. Kalau dia memohon tentulah dapat ditimbang, tetapi tidak ada merayu ataupun berjumpa dengan saya—tidak ada. Saya akan nasihatkan kalau dia berjumpa saya.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri yang berkenaan menerima sepucuk surat rayuan daripada pemandu-pemandu syarikat itu yang menyatakan syarikat tersebut berkehendak wang pertaruhan sebanyak \$3,000 supaya mereka boleh membawa teksi itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya dan pegawai saya telah menerangkan bahawa tidak ada menerimanya. Tetapi kalau dihantar kepada Pejabat Pendaftar Negeri Selangor, saya tidak tahu, tetapi Kementerian tidak ada menerima surat itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, jikalau benarlah tuduhan wakil dari Batu, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab bertindak dan dikensel langsung lesen Syarikat Matahari itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan tadi; kalau Ahli Yang Berhormat boleh menasihatkan pemandu-pemandu yang hendak membeli saham dan hendak meminta wang cagaran

\$3,000 dihapuskan mereka hantar satu aduan yang tepat kepada Pendaftar dan salinannya kepada saya sendiri supaya disiasat atas perkara itu. Saya tidak ada menerimanya dan tidaklah disiasat.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar pemandu-pemandu teksi ini telah menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri sendiri. Adakah Yang Berhormat Menteri menerima surat itu atau di pejabatnya atau di Kementerianya, ada pegawai yang menyimpan surat itu dan tidak menunjukkan surat itu kepada Yang Berhormat Menteri?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab. Kalu Ahli Yang Berhormat itu hendak menolong, tolonglah beritahu yang mana satu drebaranya. Bolehlah beri surat, jumpa saya sendiri, senang.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan secara jelas di dalam Dewan ini bahawa Syarikat Matahari ini ialah syarikat bumiputra dan saham-sahamnya tentulah dijual kepada bumiputra. Sekiranya pemandu-pemandu itu tidak dapat membeli saham daripada syarikat ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan begitu di dalam Dewan ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan persyarikatan bukan soal Menteri. Menteri mesti menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua: Tujuan Ahli Yang Berhormat itu ialah untuk hendak mengelakkan lagi jawapan Menteri. Yang Berhormat itu hendakkan jawapan: "Ya", itu sahaja. Saya tahu.

KESATUAN SEKERJA— PEKERJA-PEKERJA

15. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah tindakan Kementerian beliau sedang ambil untuk menggalakkan lebih ramai lagi pekerja-pekerja memasuki kesatuan-kesatuan sekerja, kerana hanya lebih kurang 10% daripada tenaga buruh memasuki kesatuan-kesatuan sekerja sekarang; dan samada beliau akan menimbang mengkaji semula

Undang-undang Buruh dan membentangkan untuk membolehkan lebih ramai lagi pekerja-pekerja memasuki kesatuan-kesatuan sekerja untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja boleh memainkan peranan penuh mereka sebagai anggota perkongsian dalam pembangunan negara ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan dasar Kementerian saya untuk menggalak pekerja-pekerja menubuhkan kesatuan-kesatuan sekerja yang bertanggungjawab dalam kontek perbekalan-perbekalan Ordinan Kesatuan-kesatuan Sekerja dan segala bantuan dan kemudahan diberi kepada mereka untuk mencapai tujuan ini. Walau bagaimanapun, patut disedari bahawa keahlian di dalam kesatuan sekerja adalah dengan sukarela.

Undang-undang Buruh yang ada tidak menghalang pekerja-pekerja yang memakan gaji untuk memasuki atau menubuhkan kesatuan-kesatuan sekerja. Kesatuan-kesatuan Sekerja juga adalah diberi peluang sepenuhnya untuk memainkan peranan positif dalam membangunkan negara. Oleh itu, saya tidak terasa perlunya tindakan untuk mengadakan perusahaan-perusahaan kepada undang-undang buruh di dalam pengertian ini untuk masa ini. Bagaimanapun, saya bersedia mempertimbangkan apa-apa pindaan kepada undang-undang yang ada untuk mencapai objektif-objektif negara.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ataupun Yang Berhormat Menteri yang ada dalam Dewan ini dapat memberitahu Dewan ini bahawa salah satu daripada sebab-sebab kurangnya pekerja ini memasuki Kesatuan Sekerja disebabkan adanya Ahli dari Dato Kramat menjadi Setiausaha kepada Kesatuan Sekerja ini?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa silalah Ahli Yang Berhormat merujuk dalam Seksyen 5 (i) Akta Perhubungan Perusahaan dan Seksyen 8 Ordinan Pekerja.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh mengetahui berapa banyak majikan yang telah menindas buruh-buruhnya apakala membuat

kesatuan di kilang-kilang itu maka buruh-buruh itu akan diberhentikan kerja. Bukan-nya secara langsung, tetapi dibuat dengan demikian Tuan Yang di-Pertua, apabila dia dapat tahu buruh itu buka kesatuan, jikalau buruh itu shiftnya sebelah pagi ditukarnya tengah malam. Dengan keadaan yang demikian itu, buruh itu tidak tahan terpaksa berhenti, atau kalau semangat mereka kuat maka mereka itu mogok, sebagaimana yang kita nampak mogok di Kilang Bata sudah 3 bulan mogok belum lagi mendapat penyelesaian. Bila saya bertanya mengapa mogok, jawab mereka, mereka minta gaji lebih dan hendak buat kesatuan. Adakah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh ini mengambil tindakan? Kata pihak buruh, Menteri Buruh dan Setiausaha Parlimennya menyebelah kepada majikan, benar atau tidak?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidak berapa faham tugas Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Saya suka menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini tugasnya partial atau duduk sama tengah. Kalau ada apa-apa berlaku berkenaan dengan tindakan, kita akan siasat. Yang Berhormat mengatakan ada yang mogok, dan hak asasi buruh juga ada di dalam negara ini. Kalau ada tindakan-tindakan diambil oleh majikan tentu sekali Kesatuan Sekerja tidak akan mendiadakan diri, sebab ada aturan dan undang-undang bagi mereka mengambil tindakan perusahaan sebagaimana yang berlaku pada hari ini. Yang Berhormat sahabat saya itu mengatakan Menteri berat sebelah adalah tidak benar.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, adakah jawapan daripada Setiausaha Parlimen itu partial atau impartial?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Impartial.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Setiausaha Parlimen menerangkan siapakah yang sebenarnya menjadi Setiausaha Agong kepada Kesatuan Sekerja sekarang ini?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Yeoh Teck Chye: Adakah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh sedar Registrar of Trade Unions tidak membenarkan pekerja-pekerja dalam Electronic Factories, Bayan Lepas masuk Electrical Union, dan juga tak benarkan pekerja-pekerja di dalam industri ini buat satu kesatuan?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada perkara semacam itu bolehlah Ahli Yang Berhormat itu mengemukakan kepada Kementerian saya dan kita akan siasat dan seterusnya kita boleh ambil tindakan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekiranya apa yang disebutkan rakan saya wakil dari Bukit Bintang itu benar, iaitu pekerja-pekerja di Kilang Elektronik di Bayan Lepas tidak dibenarkan memasuki Electrical Union atau pekerja-pekerja di kilang-kilang elektronik tidak dibenar menubuhkan sebuah kesatuan sekerja. Bolehkah Setiausaha Parlimen yang berkenaan menolong mereka iaitu pekerja-pekerja di kilang-kilang elektronik menubuhkan suatu kesatuan atau memasuki Electrical Union di tanahair kita.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini Kerajaan adalah menolong pekerja-pekerja di dalam electronic factories menubuhkan satu kesatuan sendiri. Pada masa sekarang di Pulau Pinang ada lebih daripada 13,000 pekerja-pekerja di dalam electronic industry dan kita bersetuju hendak mengadakan satu kesatuan untuk pekerja-pekerja di dalam electronic industry ini. Saya sendiri sudah berjumpa majikan-majikan di dalam industri ini dan beri nasihat kepada mereka supaya menolong dan bekerjasama mengadakan satu kesatuan untuk pekerja-pekerja ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menerangkan persatuan untuk pekerja-pekerja di kilang-kilang elektronik yang disebutkan oleh beliau tadi ialah Persatuan Kebangsaan. Maknanya, pekerja-pekerja di elektronik dalam Kuala Lumpur dan pekerja-pekerja di kilang elektronik di Melaka dan lain tempat semuanya boleh memasuki persatuan itu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, buat permulaan ini, saya ada beri nasihat untuk menubuhkan satu kesatuan di Pulau Pinang, kemudian boleh dijadikan National Union kalau mereka hendak.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar ada beribu-ribu pekerja di Kilang Elektronik di Kuala Lumpur. Kalau mereka tidak dibenarkan memasuki persatuan yang ditubuhkan di Pulau Pinang itu bagaimanakah mereka boleh campurtangan dalam Trade Union?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang tujuan kita ialah hendak adakan satu kesatuan di Pulau Pinang buat permulaan Electronic Industry dalam negara kita baharu sahaja ditubuhkan. Pulau Pinanglah mula-mulanya ada Electronic Industry di sana dan kita beri peluang kepada pekerja-pekerja atau majikan mengadakan electronic factory di sini dan kemudian ini boleh spread at the National level.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Adakah Menteri Buruh menghukumkan majikan;

Kaum buruh selalu hidup tertekan;

Gaji diberi tidak cukup makan;

Baik di kilang atau di pekan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya minta Ahli Yang Berhormat itu bercakap dalam bahasa yang saya boleh mengerti (*Ketawa*).

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri Buruh pernah menghukum majikan-majikan yang selalu menindas kaum buruh yang diberi gaji tak cukup makan, tambah-tambah lagi zaman inflasi ini, baik kilang di luar bandar ataupun di dalam pekan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya ada beri nasihat kepada majikan-majikan supaya beri gaji yang berpatutan dan beri Special Relief Allowance, Kerajaan sudah pun beri satu cunhuh, dan kita ada minta majikan-majikan swasta buat begitu juga.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, majikan ini tak boleh dinasihat sebab degil. Misalnya, Kilang Bata, harga bata dahulu 8 sen, hari ini harga Bata sudah melambung 16 sen. Gaji orang buat bata macam itu juga.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak faham, Yang Berhormat bercakap laju sangat.

Tuan Hashim bin Gera: Fasal laju itu hendak kejar masa, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Adakah Menteri Buruh akan menghukum majikan itu oleh kerana gaji buruh tidak ada perubahan setelah inflasi? Misalnya, Kilang Bata, harga bata dulu 8 sen hari ini sudah meningkat 16 sen. Gaji pembuat bata begitu juga, begitu juga pengkilang papan, dahulu papan harga \$180 satu tan, hari ini \$280. Gaji buruh begitu juga. Jadi, bagaimanakah perasaan majikan itu dan bagaimanakah tindakan Menteri Buruh? Jangan nasihat majikan itu sebab mereka itu degil.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sedar banyak majikan dalam negara kita sudah pun beri gaji lebih dibandingkan dalam masa 6-7 bulan yang lalu, yang belum ialah sedikit sahaja, dan itupun ada mengikut permintaan kita.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kilang Letronik di Pulau Pinang membayar gaji buruh sebanyak \$2.50 sehari. Menteri Buruh dan juga Setiausaha Parlimennya telah pergi menengok kilang-kilang itu. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar iaitu buruh-buruh kilang letronik di Pulau Pinang hendak masuk union oleh kerana tidak cukup gaji, betul atau tidak?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, gaji yang rendah itu ialah cerita lama. Pada masa sekarang dengan gaji \$2.50 tidak boleh dapat buruh letronik di Pulau Pinang.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah berkenaan dengan kilang-kilang di Kemunting dekat Taiping. Adakah Yang Berhormat Menteri memberi nasihat kepada pekerja-pekerja kilang di situ menubuhkan sebuah union?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya sudahpun ada union di situ.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut keterangan Yang Berhormat Menteri tadi sebahagian besar daripada swasta telahpun

mengikuti arahan-arahan yang telah diberi oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, cuma sebahagian kecil sahaja lagi yang belum menghormati dan mengikut. Adakah yang sebahagian kecil ini yang menunjukkan inilah swasta yang paling degil di dalam negara kita ini?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, jikalau permintaan kita tidak memberi hasil, Kerajaan bolehlah mengambil langkah yang berpatutan kepada majikan-majikan itu.

Tuan Hussain bin Haji Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya begini. Dari keterangan Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa besar daripada swasta sudahpun arahan-arahan Kerajaan, cuma sebahagian kecil sahaja yang tidak menghormati. Saya ingin mendapat penjelasan; adakah sebahagian kecil yang tidak menghormati ini merupakan swasta yang paling degil di dalam negara kita ini?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, bukan mereka defy Government's request, tetapi adalah kesusahan mereka untuk menunaikannya—dia tidak boleh, tidak cukup untung begitu. Ada sebab-sebab dia kata, tetapi sungguhpun begitu kita ada memeriksa tiap-tiap perkara dan banyak yang kita dapat selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 51 adalah diberi di bawah ini).

MINYAK DIESEL

16. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan, memandangkan halikat kenaikan harga minyak diesel bulan Disember, 1973 yang telah kesulitan yang amat sangat kepada nelayan-nelayan Malaysia yang berpendapatan rendah, samada beliau bercadang mengadakan satu sekim khas dalam mana nelayan-nelayan akan dapat membeli minyak diesel mengikut harga asal (preincrease price) supaya mengelakkan kesulitan yang berbangkit daripada kenaikan harga minyak.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tidak bercadang.

HARGA GETAH—PERBEZAAN

17. Penghulu Abit anak Angkin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab jauh perbezaan antara harga getah di Sarawak dengan di negeri-negeri lain, misalnya getah grod yang serupa berharga \$2.30 sen sekati di Singapura sedangkan di Sarawak harganya 50 sen. Bolehkah harga getah disetabilkan kerana kebanyakan rakyat kampung di Malaysia bergantung kepada getah untuk mencari wang tunai.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Saya telahpun mengkaji perkara ini dan di dalam penyiasatan saya, didapati adalah tidak berapa tepat bahawa harga yang diperolehi di Sarawak sangat berbeza dengan harga-harga yang terdapat di tempat-tempat yang lain. Misalnya dipasaran Singapura.

Memanglah tidak boleh dinafikan bahawa adanya perbezaan harga getah di Sarawak dan lain-lain tempat. Ini berlaku bukan di Sarawak sahaja tetapi di Semenanjung Malaysia juga. Perbezaan ini adalah mungkin disebabkan potongan harga untuk membayar kos-kos pengangkutan, pembungkusan dan membersihkan getah-getah dan lain-lain perkhidmatan apabila ianya dibeli oleh peniaga-peniaga getah.

RANCANGAN PERUMAHAN AWAM DI SARAWAK

18. Tuan Luhut Wan minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan samada Suruhanjaya Pembangunan Perumahan akan menubuhkan badan untuk menyiasat kemajuan bumiputra di kawasan-kawasan luar bandar, seperti orang-orang Dayak, orang-orang Ulu dan orang-orang Melayu pantai di Sarawak untuk membaili keadaan kehidupan dan sekeliling mereka.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Seperti Ahli Yang Berhormat sedar Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan wang sebanyak \$5

juta bagi melaksanakan Rancangan-rancangan Perumahan Awam di Negeri Sarawak. Ini akan dijalankan oleh Suruhanjaya Kemajuan Perumahan Sarawak.

Syor daripada Ahli Yang Berhormat mengenai pertubuhan sebuah badan untuk menyiasat kemajuan perumahan bagi bumiputra-bumiputra di kawasan-kawasan luar bandar seperti orang-orang Dayak, orang-orang Ulu dan orang-orang Melayu pantai di Sarawak akan dikaji dengan teliti oleh Kementerian saya dan perbincangan akan diadakan dengan Suruhanjaya Kemajuan Perumahan Negeri Sarawak atas syor tersebut.

PENYAKIT SARAF (HYSTERIA)

19. Tuan T. S. Gabriel bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat samada boleh atau tidak majikan-majikan swasta membuang seorang pekerja yang mengidap penyakit saraf (hysteria).

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Majikan-majikan di sektor swasta hanya boleh memberhentikan pekerja-pekerja mereka atas sebab-sebab yang adil. Samada seseorang pekerja yang menghidap penyakit saraf patut diberhentikan bekerja atau tidak terpulang kepada keadaan kes yang berkenaan.

MAS—BAYARAN TAMBANG MURAH

20. Awang Bungsu bin Abdullah bertanya kepada Menteri Perhubungan adakah beliau akan menimbangkan untuk

(a) menambah lagi penerbangan murah MAS dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia; dan

(b) mengurangkan tambang-tambang MAS dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia;

supaya ramai lagi warganegara kita dapat bertukar-tukar lawatan untuk merapatkan perpaduan antara negeri-negeri dalam Malaysia.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):

(a) Pada masa ini MAS membuat penerbangan bayaran tambang murah, dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu sebanyak dua kali seminggu, dan sekali

seminggu di antara Kuala Lumpur—Kuching. Pada masa sekarang keperluan penumpang untuk perkhidmatan ini mencukupi, dan tiada perlu ditambah perkhidmatannya. Walau bagaimanapun MAS sentiasa menimbangkan tambahan penerbangan Tambang Murah Malam samada ke Sarawak atau Sabah apabila keadaan penumpang memerlukan.

(b) Tambang penerbangan MAS dalam negeri telah ditetapkan sejak tahun 1966 oleh suatu badan khas terdiri dari ahli-ahli ekonomi penerbangan yang dilantik oleh MAS. Tambang itu berdasarkan kepada perbelanjaan perkhidmatan pada masa itu. 8 tahun telah berlalu sejak tambang itu ditetapkan, dan perbelanjaan, harga minyak, gaji (termasuk elaun) telah dinaikkan, namun demikian, MAS belum menambahkan tambangnya dan telah berjaya menetapkan pada kadar tahun 1966. MAS telah memohon untuk menaikkan tambang akan tetapi Kerajaan belum membenarkannya buat sementara ini kerana mengenangkan perhubungan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Baharu-baharu ini walaupun perbelanjaan bahan minyak telah sangat bertambah, MAS masih menggunakan tambang yang lama.

Saya, memberi jaminan kepada ahli-ahli terhormat apabila keadaan memerlukan, tambang penerbangan dalam negeri akan di kaji pada masa ke semasa.

KILANG PENAPIS (REFINERIES) DI MALAYSIA

21. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

(a) bilakah kilang menapis minyak akan didirikan di Malaysia dan di mana;

(b) dari manakah Kerajaan akan mendapat pinjaman wang untuk menubuhkan kilang menapis minyak;

(c) adakah kilang menapis minyak ini akan menapis minyak mentah "paraffinic" atau "naphthalinic"; dan

(d) ke manakah pegawai-pegawai minyak telah dihantar untuk mendapat latihan dalam penapisan minyak di luar negeri dan apakah kursus-kursus yang mereka ambil sekarang.

Abdul Taib bin Mahmud:

- (a) masa sekarang ada tiga buah kilang menapis (refineries) di Malaysia, satu di Sarawak dan dua di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Mengenai rancangan Kerajaan pada masa akan datang untuk membina kilang-kilang menapis minyak dan tempat-tempat kilang-kilang ini akan dibina, keputusan yang tepat hanya dapat diambil selepas suatu penyelidikan dan kajian yang teliti dijalankan. Setakat ini perkara ini masih dalam kajian tetapi adalah menjadi polisi dan hasrat Kerajaan hendak membahagi persisiran kilang menapis minyak kekawasan yang belum cukup maju lebih-lebih lagi di Pantai Timur Malaysia Barat dan di Malaysia Timur.
- (b) Soalan di mana atau dari mana Kerajaan akan mendapat pinjaman wang untuk menubuhkan kilang-kilang menapis minyak ini adalah bergantung dengan langkah teliti yang akan diambil dari masa ke semasa. Apakala sesebuah projek itu sudah diselidiki dan didapati viable, soal mendapat pinjaman tidak akan menjadi masalah.
- (c) Banyak bukti-bukti yang menunjukkan bahawa kilang-kilang menapis minyak yang akan ditubuhkan akan datang akan menapis minyak mentah "naphthaline".
- (d) Belum ada lagi pegawai-pegawai yang dihantar untuk mendapatkan latihan-latihan dalam menapis minyak. Pada tahun ini dan tahun-tahun akan datang mungkin juga pegawai-pegawai akan dihantar ke Indonesia, Amerika Syarikat dan lain-lain negeri.

**ORANG-ORANG PUNAN
(ORANG ASLI) SARAWAK**

22. Tuan Luhut Wan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah yang Kerajaan telah buat bagi orang-orang Punan (orang Asli Sarawak) dalam Bahagian-bahagian Keempat dan Ketujuh Sarawak.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Untuk pengetahuan Yang Berhormat, mengikut Perlembagaan Orang-orang Punan di

Sarawak tidak ditakrifkan sebagai orang Asli. Mereka menikmati rancangan pembangunan biasa yang dilaksanakan di Sarawak.

**LETRIK DI KAMPUNG-
KAMPUNG BARU**

23. Tuan Chan Fu King minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan kenapa sebahagian kampung dan kampung baru tidak mendapat bekalan kuasa letrik sepanjang hari walaupun tempat-tempat berhampiran dapat bekalan kuasa letrik sepanjang hari.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Setengah-setengah kampung-kampung dan kampung-kampung baru adalah terletak berdekatan dengan sesalur pembahagian voltan tinggi (high tension transmission lines) dan yang demikian boleh mendapat bekalan kuasa letrik sepanjang hari, sementara setengah-setengah kampung-kampung dan kampung baru yang lain oleh sebab terletak lebih terpencil hanya dapat bekalan kuasa letrik terhad atau 12 jam sahaja sehari. Untuk mengadakan juga bekalan letrik ke kampung dan kampung baru yang terpencil ini, sebuah alat janakuasa dan rangkaian sesalur pembahagiannya sendiri hendaklah didirikan, tetapi ini akan menelan belanja yang tinggi.

Walaupun bagaimanapun, pihak Lembaga Letrik Negara akan terus menyambungkan bekalan pukal (bulk supply)—24 jam sehari apabila sesalur pembahagian voltan tinggi sampai berdekatan atau melalui kampung-kampung tersebut tertakluk kepada kemampuan L.L.N. sendiri dan kesanggupan pihak-pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan bagi membayar carum pengguna (jika dikenakan).

**PERKHIDMATAN PENERANGAN/
PENYIARAN SARAWAK**

24. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Penerangan menerangkan sejauh manakah kebenaran bahawa perkhidmatan-perkhidmatan penerangan dan penyiaran di Sarawak telah disalahgunakan untuk kegiatan-kegiatan parti-parti politik dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah

diambil oleh Menteriannya menghentikan kegiatan-kegiatan seumpama ini dengan kerasnya pada masa-masa akan datang.

Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas (Tengku Ahmad Rithanddeen Al-Haj): Soalan ini adalah terlalu umum. Perkhidmatan-perkhidmatan penerangan dan penyiaran di Sarawak ditugaskan untuk memberi penerangan tentang rancangan-rancangan, projek-projek, aktiviti-aktiviti seluruh masyarakat Sarawak, dan ini termasuklah aktiviti-aktiviti berbentuk politik, sosial dan ekonomi.

JALANRAYA LAWAS-LIMBANG

25. Awang Bungsu bin Abdullah bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Tenaga Bilakah jalanraya menyambung daerah Lawas dan Daerah Limbang akan dibina.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Pembinaan jalanraya yang menghubungkan Lawas dan Limbang akan hanya dapat ditentukan masanya apabila kajian-kajian kemungkinan telah dijalankan kelak.

MINYAK PETROL

26. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sebab-sebab naiknya harga minyak dan bahan-bahan keluaran minyak petrol di Malaysia; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang menurunkan harga-harga itu atau sebaliknya.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:

- (a) Malaysia mengimpot sebahagian besar keperluan minyak petrolnya. Naiknya harga "posted" minyak petrol di dunia sebanyak 200% berbanding dengan harga sebelum Oktober 1973, tidak dapat tidak harga minyak dan bahan-bahan keluaran minyak petrol di Malaysia. Kenaikan harga minyak mentah di dunia adalah disebabkan oleh tawaran minyak mentah di pasaran dan juga keadaan politik dan polisi negara-negara pengeluar minyak terbesar. Walaupun Malaysia adalah salah sebuah negara yang diberi taraf

istimewa (most favoured nation status), ini tidaklah bermakna harga minyak patut murah kerana keistimewaan adalah dari segi pembekalan sahaja.

- (b) Usaha-usaha dan untuk menurunkan harga diesel dan minyak api adalah sukar untuk diambil oleh sebab naiknya harga minyak adalah di luar kuasa yang ada pada Kerajaan negara ini dan juga memandangkan kepada tingginya kenaikan harga-harga itu. Tetapi yang pentingnya di sini ialah bahawa Kementerian ini telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menjamin tidak akan berlakunya lagi kenaikan minyak dan bahan-bahan yang tersebut di atas dan langkah-langkah ini telah dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkuasa. Perkara ini sedang dikaji dengan telitinya.

CHAI KUAN SENG— INQUEST KEMATIAN

27. Tuan V. Veerappen minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) bilangan orang-orang dari Seberang Prai-Selatan yang ditahan di "lock-up" di Ibu Pejabat Polis di Pulau Pinang dalam tangkapan yang dibuat baru-baru ini;
- (ii) sebab-sebab mereka ditahan;
- (iii) samada apa-apa tuduhan dibuat ke atas mereka; jika tidak samada apa-apa kenyataan diberi kepada mereka kerana tangkapan mereka;
- (iv) samada penyiasatan-penyiasatan telah menunjukkan apa-apa perhubungan antara mereka dengan pengganas-pengganas Kominis;
- (v) samada benar bahawa "lock-up" di mana mereka ditahan tidak ada tingkap atau lubang-lubang udara yang sesuai selain daripada pintu;
- (vi) samada benar bahawa mereka hanya diberi "Nasi Kandar" tiap-tiap hari dan malam dan makanan ini tidak setuju dengan sistem atau tabiat makanan mereka;
- (vii) sebab-sebab mengapa seorang daripada orang-orang tahanan itu membunuh diri di dalam bilik kurungan samada ia sakit samada ia pernah

diperiksa oleh seorang doktor samada Menteri boleh memberikan Lapuran Perubatan dari doktor yang memeriksanya sebelum ia mati;

(viii) samada pembicaraan akan diadakan atas kematian orang yang ditahan itu. Jika ya, bila dan di mana; dan

(ix) nama-nama orang-orang tahanan yang memerlukan rawatan perubatan pada masa mereka ditahan dan berikan masa-masa dan sebab-sebabnya.

Tan Sri Haji Ghazali bin Shafie: Soalan Ahli Yang Berhormat itu tidak jelas kerana tidak disertakan dengan butir-butir lanjut seperti tarikh dan tempat ditangkap. Walau bagaimanapun sekiranya Ahli Yang Berhormat itu maksudkan orang-orang ditangkap di bawah Seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 14, 16 dan 17hb April, 1974 di Sg. Bakap dan Nibong Tebal, Province Wellesley, bilangannya ialah 9 orang. Mereka ini telah ditangkap kerana didapati menceburkan diri di dalam kegiatan-kegiatan yang mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara iaitu telah bersubahat dan membantu membekal bahan-bahan makanan kepada pengganas-pengganas Kominis. Mereka telah ditahan dilock-up Ibu Pejabat Polis Pulau Pinang untuk disiasat dengan lebih lanjut lagi keceburan mereka di dalam kegiatan-kegiatan tersebut.

Semasa di dalam tahanan lock-up Polis seorang daripada mereka bernama Chai Kuan Seng telah didapati mati tergantung di dalam bilik kurungannya pada 10hb Mac, 1974. Inquest ke atas kematian sabjek ini akan diadakan oleh pihak mahkamah sebaik sahaja penyiasatan mengenainya selesai dijalankan. Tarikh dan tempat inquest ini diadakan akan ditetapkan oleh pihak mahkamah kemudian.

Mengenai 8 orang yang lain, setelah selesai penyiasatan lanjut dijalankan 6 orang darimereka telah dibebaskan dengan di bawah Perintah Terhad Seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri dan yang 2 orang lagi dibebaskan tanpa sebarang syarat.

Tuduhan-tuduhan Ahli Yang Berhormat mengatakan mereka-mereka tersebut telah diberikan makanan nasi kandar sahaja pada tiap-tiap hari dan malam dan juga tempat lock-up mereka ditahan itu tidak mempunyai

lubang-lubang udara sesuai adalah tidak benar. Mereka-mereka telah diberi makan seperti biasa mengikut "Ratio Scale for Asian Prisoners" seperti yang ditetapkan di dalam Lock-up Rules 1953 tetapi kemudian setelah didapati makanan yang disediakan itu tidak sesuai, mereka telah diberikan makan "Chinese diet". Lock-up tempat mereka ditahan telah diperiksa oleh Pegawai Kesihatan Bandaraya Pulau Pinang dan beliau telah mengesahkan bahawa pengedaran udara di dalamnya (ventilation) adalah memuaskan.

Berkaitan dengan soalan No. (ix) Ahli Yang Berhormat itu, saya tidak dapat memberi nama-nama orang tahanan demi kepentingan keselamatan orang-orang itu sendiri dan juga untuk menjaga maruah mereka. Walau bagaimanapun semasa mereka di dalam lock-up Polis mereka telah diberi rawatan sempurna oleh doktor-doktor dan di antara sakit-sakit yang dihidapi oleh mereka ialah sakit perut, batuk, sengal-sengal badan, demam sejuk dan panas badan.

HARGA IKAN BILIS

28. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sebab-sebabnya harga ikan bilis sekarang telah meningkat \$4 sekati dan apakah tindakan yang telah diambil untuk menurunkan harga ini.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Ikan bilis telah mendapat pasaran luar negeri yang baik dan oleh kerana pesanan dari luar negeri yang banyak untuk ikan bilis dari Negeri-negeri Eropah yang digunakan di Majlis-majlis Cocktail peniaga-peniaganya telah memperingkat mutu ikan bilis untuk jualan di pasar tempatan dan di luar negeri. Jenis yang terbaik itulah yang telah dijual dengan harga \$4 sekati di pasar tempatan. Lain-lain gred ikan bilis adalah dijual dengan harga yang rendah dari itu.

Walaupun bagaimanapun kenaikan harga ikan bilis adalah sememang kelihatan oleh sebab kekurangan bekalan bahan ini yang berpunca dari tangkapan ikan bilis yang merosot.

Kenaikan harga memang berlaku dari masa ke semasa menurut musim iaitu mahal bila kurang bekalan dan turun harga apabila tangkapan ikan bilis pulih dan bertambah baik. Sejak bulan Mac, 1974 harga runcit

ikan bilis gred terbaik telahpun turun kepada antara \$3.40 hingga \$3.20 setiap ekor. Harga ikan bilis gred-gred lain telah turut turun sama dan dijangka akan menjadi lebih murah lagi dalam beberapa bulan yang akan datang kerana tangkapan ikan bilis diperhatikan telah bertambah.

DADAH—RAWATAN PENAGIH-PENAGIH

29. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Peguam Negara menyatakan samada suatu yunit khas telah ditubuhkan untuk merawat pesakit-pesakit dadah dan jika ya, di mana yunit ini. Nyatakan juga (a) adakah benar bahawa pada masa ini masih kekurangan doktor-doktor untuk merawat pesakit dadah dan (b) setakat ini, berapa jumlah penagih dadah yang telah menyerah diri untuk dirawat.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusoff): Kemudahan-kemudahan untuk merawat penagih-penagih dadah terdapat di semua hospital-hospital di negeri ini. Taman Bahagia di Tanjung Rambutan, Taman Pinnai di Tampoi dan Yunit Penyakit Jiwa di Hospital Besar Kuala Lumpur telah memberi rawatan dan akan terus memberi rawatan kepada penagih-penagih dadah. Rawatan yang sama juga ada diberi kepada penagih-penagih di lain-lain hospital kecil.

Kerajaan dengan aktifnya sedang menimbang untuk menubuhkan yunit-yunit khas bagi merawat penagih-penagih dadah dan dengan itu menggalak lebih ramai lagi mangsa-mangsa menyalahguna dadah tampil ke hadapan untuk mendapat rawatan serta menghapuskan perasaan yang ada akibat dari merawat penagih-penagih di tempat yang sama dengan orang-orang berpenyakit jiwa. Sebagai percubaan, yunit-yunit khas ini akan ditubuhkan di bandar-bandar besar seperti Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur, Kota Bharu dan Johor Bahru. Yunit-yunit khas ini masih tetap di bawah kawalan dan penyeliaan yunit-yunit penyakit jiwa.

Dari apa yang diketahui, negara ini tidak menghadapi masalah kekurangan doktor untuk merawat penagih-penagih dadah. Kementerian Kesihatan sedang membuat peruntukan bagi menempatkan bilangan ahli penyakit jiwa yang cukup di yunit-yunit khas seperti diterangkan di atas serta merancang

“crash programmes” bagi melatih doktor-doktor di hospital-hospital lainnya untuk menerima dan merawat penagih-penagih dadah. Nyatalah kes-kes penagihan dadah yang lebih serious dan teruk akan dirujuk kepada yunit-yunit khas untuk rawatan yang lebih intensif.

Dalam tahun 1973 sejumlah 459 penagih dadah telah menyerah diri untuk dirawat di Rumah Sakit Bahagia Tanjung Rambutan, Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Universiti Petaling Jaya dan Health Service Centre Ipoh.

PEPERIKSAAN M.C.E./S.P.M.— PENUNTUT-PENUNTUT GAGAL

30. Tuan Lim Pee Hung minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan penuntut-penuntut yang telah gagal dalam peperiksaan-peperiksaan M.C.E. dan S.P.M. dan apa rancangan telah diambil oleh Kementerian beliau bagi latihan selanjutnya pelajar-pelajar yang telah gagal itu.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Saya telah menjawab soalan yang sama pada 23hb April, 1974 bila menjawab Yang Berhormat dari Batu dan juga pada 16hb April, 1974, bila menjawab Yang Berhormat dari Seremban Barat.

PENYAKIT DEMAM KEPIALU (TYPHOID)

31. Dr A. Soorian minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) bilangan orang mengidap penyakit demam kepialu (Typhoid) yang berlaku tidak berapa lama dahulu di daerah Port Dickson;
- (ii) sebab-sebab berlakunya penyakit ini;
- (iii) apakah tindakan diambil untuk menghindar kejadian ini berlaku lagi.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):

- (i) Semasa wabak penyakit Demam Kepialu berlaku pada hujung bulan Januari, 1974, di Garrison Port Dickson sebanyak 53 kes telah disahkan di kalangan ahli-ahli tentera. Tidak ada apa-apa kes yang disahkan selepas 3hb Mac, 1974.

(ii) Selepas penyiasatan selanjutnya dibuat adalah didapati kejadian wabak ini telah berlaku kerana army recruits atau askar-askar pelatih telah menggunakan air anak sungai yang mengalir dari Sungai Rimba Muda, untuk minum dan mandi. Penyiasatan makmal telah menunjukkan bahawa jenis-jenis kuman yang didapati dari contoh-contoh itu adalah sama dengan jenis-jenis kuman-kuman yang didapati semasa wabak penyakit demam kepialu di Daerah Kuala Pilah dulu.

(iii) Pengawasan dan langkah-langkah mencegah telahpun diambil di daerah itu oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Perkhidmatan Perubatan Tentera. Kebersihan diri dan kebersihan kawasan sekeliling telah diberatkan dan dijaga dengan rapi. Semua ahli-ahli tentera telah diberi suntikan terhadap demam kepialu sebagai berjaga-jaga.

PEKERJA-PEKERJA KILANG ELECTRONICS

32. Tuan T. S. Gabriel bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat samada beliau sedar bahawa kenderaan untuk pekerja-pekerja di Kilang-kilang Electronics menjadi satu masalah dan pihak berkuasa tidak mengambil tindakan mengatasi masalah ini dan jika ya, adakah apa-apa rancangan Kementerian tersebut untuk mengadakan satu koordinasi dengan Kementerian Perhubungan untuk mengatasi masalah kenderaan di kawasan Bayan Lepas.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Saya telah memberi jawapan kepada soalan ini di dalam ucapan saya pada 22hb April di Dewan ini di mana saya menjawab kepada pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perjalanan perbincangan di atas Ucapan Di-Raja.

PEKERJA-PEKERJA KILANG ELECTRONICS

33. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

(a) samada beliau sedar bahawa Pekerja-pekerja di Kilang-kilang Electronics

di Bayan Lepas, Pulau Pinang telah kerja dengan sesuka hati

(b) apakah tindakan Kementerian akan ambil atas kejadian ini; dan

(c) adakah apa-apa rancangan-rancangan untuk mengadakan satu siasatan atas segala keadaan yang berlaku di Kilang-kilang Electronics di Pulau Pinang.

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya tidak sedar bahawa ada terdapat sebarang pekerja-pekerja yang digajikan oleh Kilang-kilang Eletronik di Bayan Lepas yang telah dibuang kerja sesuka hati majikan-majikan. Rekod-rekod di Kementerian saya menunjukkan bahawa di antara April 1972 dan Februari, 1974, ada terdapat 20 aduan-aduan yang dibuat di bawah Seksi 16A dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 dan keputusan-keputusan ke atas aduan-aduan mereka adalah seperti berikut:

(i) Bilangan Aduan-aduan diselesaikan secara pendamaian—13.

(ii) Bilangan Aduan-aduan yang ditarik balik oleh pengadu-pengadu—1

(iii) Bilangan Aduan-aduan yang ditolak—1

(iv) Bilangan aduan-aduan yang menunggu keputusan—2

(v) Bilangan aduan-aduan yang telah tidak disiasat oleh kerana pengadu-pengadu tidak hadir di penyiasatan—3.

(b) Sekiranya Ahli Yang Berhormat bagi Pulau Pinang sedar bahawa terdapat kes-kes pembuangan kerja yang tidak adil, silalah berhubung dengan saya dan memberi maklumat-maklumat dan keterangan-keterangan mengenai kes-kes ini dan Kementerian saya akan menyiasat perkara ini; dan

(c) Segala pengaduan bertulis yang dibuat oleh pekerja-pekerja di bawah Seksi 16A (1) adalah sedang disiasat dan diambil tindakan mengikut perbekalan-perbekalan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967.

FELCRA—PESERTA-PESERTA RANCANGAN

34. Tuan Tiah Eng Bee minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas

Khas memberikan angka pecahan keluarga-keluarga mengikut kaum dalam rancangan-rancangan FELCRA sehingga akhir tahun 1973.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Bilangan keluarga yang menjadi peserta Rancangan Tanah FELCRA dari tahun 1967 sehingga akhir tahun 1973 adalah seperti berikut:

Melayu	...	...	4,683 orang
China	...	...	102 "
India	...	...	114 "
Jumlah			4,899 orang

MINYAK—KELUARAN HARIAN DI SARAWAK

35. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- angka yang terakhir bagi pengeluaran harian minyak di Sarawak;
- banyaknya minyak tersebut yang digunakan di Sarawak dan banyaknya yang diekspot; dan
- hasil-hasil minyak dari Sarawak untuk tahun-tahun 1972 dan 1973 dan jumlah yang diterima sebagai Hasil Negeri.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:

- Angka yang terakhir bagi pengeluaran purata harian minyak di Sarawak ialah 95,000 tong sehari.
- Hampir kesemua yang dikeluarkan oleh Sarawak diekspotkan. Sarawak menggunakan sebanyak 3,500 tong sehari dan hanya sejumlah kecil sahaja dari kegunaan ini terdiri daripada minyak keluaran Sarawak.
- Hasil dari minyak yang dikeluarkan di Sarawak bagi tahun 1972 ialah 26.1 million dan hasil bagi tahun 1973 ialah 27.4 million. *

Jumlah yang diterima sebagai Hasil Negeri bagi tahun 1972 ialah \$2.2 million dan bagi tahun 1973 ialah \$1.4 million.

FELDA—PESERTA-PESERTA RANCANGAN

36. Dr Chu Chee Peng minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas memberikan satu pecahan angka

jumlah bilangan keluarga-keluarga yang ditempatkan oleh FELDA mengikut kaum bagi tahun 1970, 1971, 1972 dan 1973.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Jumlah bilangan keluarga yang telah ditempatkan oleh FELDA mengikut kaum bagi tahun 1970, 1971, 1972 dan 1973 ialah seperti berikut:

Tahun	Melayu	China	India	Jumlah
1970	2,156	93	69	2,318
1971	2,189	83	64	2,336
1972	2,886	11	33	2,930
1973	2,020	27	13	2,060

PERUSAHAAN DI KAWASAN LUAR BANDAR

37. Tuan Tai Kuan Yang minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru menyatakan apakah rancangan-rancangan yang telah dibuat bagi mendirikan perusahaan kecil dalam dan di sekeliling kampung-kampung baru untuk memberi pekerjaan kepada penduduk-penduduk kampung-kampung itu.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru (Datuk Lee San Choon): Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Kerajaan mengambil berat tentang penubuhan perusahaan-perusahaan dan menempatkannya di kawasan-kawasan luar bandar; dan dengan tujuan menarik perusahaan ke kawasan-kawasan luar bandar termasuk kampung-kampung baru Kerajaan telah memberi keistimewaan-keistimewaan (incentives) yang lebih baik dan menarik. Ini telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian bila beliau menjawab soalan lisan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil Kawasan Seremban Timor di persidangan Dewan ini pada 7hb Disember, 1972.

LOT TANAH DENGAN HAKMILIK

38. Tuan Tai Kuan Yang minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru menyatakan:

- berapa lot tanah dengan hakmilik yang telah dikeluarkan kepada penduduk-penduduk kampung-kampung baru;
- berapa bilangan permohonan-permohonan tanah dengan hakmilik yang telah diterima untuk mendapat kelulusan; dan

- (c) sebab-sebab kelambatan dalam memproseskan permohonan-permohonan hakmilik tanah dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mempercepatkannya.

Datuk Lee San Choon: Mengikut laporan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan 50,877 lot tapak bangunan telah diberi Surat Milik sehingga 28hb Februari, 1974.

Bilangan permohonan hakmilik yang sedang diproses di Pejabat-pejabat Tanah pada tarikh yang sama berjumlah 14,219.

Saya difahamkan bahawa kelewatan memproses permohonan-permohonan hakmilik berlaku hanya mengenai lot-lot yang mempunyai masalah-masalah tertentu sahaja tidak pada keseluruhannya.

Kelewatan memproses permohonan terjadi:

- (a) di mana pelan tata-atur yang baharu diperlukan dan sedang diuruskan;
- (b) bila didapati penduduk asal telah meninggal dunia masalah berbangkit, iaitu kepada siapa lot yang berkenaan wajar diberi milik. Untuk menentukannya penyiasatan yang teliti perlu dibuat dan ini juga mengambil masa.

PEGAWAI-PEGAWAI PERUBATAN LUAR NEGERI

39. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan doktor-doktor, ahli pakar dan tabib bedah yang telah diambil dari negeri asing dalam tahun 1972, 1973 hingga bulan Mac ini;
- (b) sebab-sebabnya doktor-doktor yang masuk dalam perkhidmatan Kerajaan lebih suka masuk perkhidmatan swasta selepas bekerja selama dua atau tiga tahun; dan
- (c) samada Kerajaan boleh memberi lebih lagi kemudahan-kemudahan yang sewajarnya dan peransang khas kepada semua doktor-doktor Kerajaan di seluruh negeri bagi mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor di negeri ini.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) (i) Jumlah Pegawai-pegawai Perubatan (General Duties Medical Officer) dari luar negeri yang telah diambil

dalam tahun 1972, 1973 dan 1974 sehingga 31hb Mac, 1974, adalah seperti berikut:

Tahun 1972	62 orang
Tahun 1973	43 orang
Tahun 1974 sehingga 31hb Mac 1974 ...	4 orang

- (ii) Sementara itu jumlah doktor-doktor pakar dari negeri asing yang telah diambil berkhidmat di Malaysia semenjak tahun 1972 sehingga bulan Mac 1974 ialah seramai 9 orang. 3 orang daripada mereka adalah pakar-pakar bedah.
- (b) Tidak diketahui akan sebab-sebab mengapa doktor-doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan lebih suka masuk ke sektor swasta kecuali Ahli Yang Berhormat sendiri bertanya kepada mereka akan sebab-sebab tersebut. Ini adalah oleh kerana ketika mereka memberi notis meletakkan jawatan, doktor-doktor ini tidak memberikan sebab-sebab mereka berbuat demikian melainkan menyatakan masalah persendirian.
- (c) Kementerian saya sentiasa mengadakan kemudahan dan insentif-intensif untuk menggalakkan doktor-doktor terus berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan. Sekarang ini kemudahan-kemudahan serta insentif-insentif yang diberikan kepada doktor-doktor adalah:

(i) **Gaji Masuk:**

Gaji masuk sebanyak \$1,050 bagi doktor adalah yang paling tinggi jika dibandingkan dengan gaji masuk bagi pegawai gulungan lain dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas yang hanya menerima di antara \$750 dan \$950 sahaja. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum di dalam Ucapan Menggulung Perbahasan di atas Titah Di-Raja, Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah memberitahu bahawa Kerajaan bersetuju mewujudkan satu gred baru dengan gaji \$1,500 hingga \$1,900 di dalam Sekim Perkhidmatan yang ada sekarang. Dari situ mereka berpeluang naik ke pangkat superscale pula.

(ii) *Jawatan Tingkatan Tertinggi:*

Jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi untuk pegawai-pegawai perubatan dan pakar juga telah ditambah Jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi ini sentiasa dikaji dari masa ke semasa memandangkan kepada keperluannya. Pada 1hb Januari, 1971 terdapat sebanyak 154 jawatan Tingkatan Tertinggi untuk pegawai-pegawai perubatan dan pakar di Kementerian Kesihatan dan jawatan-jawatan ini telah bertambah menjadi 232 pada 1hb Julai 1973. Pertambahan jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi ini pada pendapat saya adalah sangat-sangat munasabah.

(iii) *Elaun Galakan:*

Selain daripada itu Kementerian saya juga memberi galakan dengan membayar beberapa jenis elaun kepada pegawai-pegawai perubatan yang ditugas menjalankan tugas-tugas yang tertentu. Bagi Pegawai-pegawai Perubatan yang tidak mempunyai *Ijazah Lulusan* tetapi diwartakan menjalankan tugas-tugas Kesihatan dibayar elaun galakan sebanyak \$175 sebulan. Bagi pegawai-pegawai perubatan yang mempunyai Kelulusan Lulusan Ijazah Diploma in Public Health (D.P.H.) dan Master in Public Health dan kelulusan-kelulusan lain yang setaraf dengannya dibayar elaun galakan sebanyak \$350 sebulan bagi pegawai-pegawai Tingkatan Biasa dan \$500 sebulan bagi pegawai-pegawai yang dalam jawatan Tingkatan Tertinggi.

(iv) *Elaun Pakar:*

Bagi mereka yang telah diwartakan sebagai *pakar* dalam berbagai bidang dibayar elaun pakar yang bernilai dari \$400 bagi tingkatan biasa kepada \$1,200 sebulan bagi Tingkatan Tertinggi "D" ke atas mengikut jawatan-jawatan yang disandang oleh mereka. Adalah didapati seorang pakar perubatan yang berada dalam Tingkatan Tertinggi

"C" mempunyai pendapatan sebanyak lebih kurang \$4,000 sebulan. Ini rasanya adalah sangat lumayan dan tidak didapati oleh pegawai yang di dalam tingkatan yang sama dalam Perkhidmatan Kerajaan yang lain.

TRAJEDI DI GUNUNG CHEROH PERAK

40. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada satu siasatan telah diadakan dalam trajedi di Gunung Cheroh di Perak bulan Oktober 1973; jika ya bila keputusan siasatan itu akan dapat diumumkan; dan jika tidak, samada beliau akan menimbang menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan untuk menyiasat sebab-sebab terjadinya trajedi itu.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Kejadian tanah runtuh di Gunung Cheroh yang dibangkitkan di sini tiada berkaitan dengan keruntuhan tanah lombong tetapi ia hanya merupakan suatu kejadian bencana alam semula jadi. Oleh itu ia tidaklah jatuh kepada tanggungjawab Kementerian ini.

Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri Perak telah menyatakan bahawa tidak ada apa-apa siasatan yang telah dijalankan ke atas kejadian itu dan pada masa ini belum ada cadangan untuk mengadakan. Ini ialah kerana kejadian tersebut bukan disebabkan oleh perbuatan manusia, seperti keruntuhan lombong, tetapi adalah kehendak alam semula jadi. Buat masa ini Kerajaan Negeri Perak bersama-sama dengan pihak Municipal Ipoh sedang menjalankan usaha-usaha untuk menggalakkan penduduk-penduduk yang masih menetap di kawasan Gunung Cheroh ini supaya berpindah ke kawasan yang lebih selamat. Untuk tujuan ini satu tapak kediaman telah disediakan oleh Kerajaan Negeri di Buntong untuk mereka yang terlibat. Kerja-kerja pemindahan sedang giat berjalan. Penduduk-penduduk yang menetap di kaki gunung-gunung yang lain juga digalakkan oleh Kerajaan Negeri supaya berpindah ke tempat-tempat yang lebih selamat.

PERATUS KELULUSAN S.P.M./M.C.E.

41. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran memberikan peratus kelulusan di kedua-dua peperiksaan S.P.M. dan M.C.E. dari tahun 1969 hingga 1973.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Peratus kelulusan adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>S.P.M.</i>	<i>M.C.E.</i>
1969	51.5	52.1
1970	55.9	55.7
1971	56.7	60.3
1972	54.9	43.3
1973	55.8	59.8

Peratus kelulusan ini adalah bagi sekolah-sekolah bantuan penuh sahaja.

PENTADBIRAN KERAJAAN— PANDANGAN PELAJAR-PELAJAR

42. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan sedar akan perasaan tidak puas hati di kalangan pelajar-pelajar di negeri ini terhadap beberapa aspek Pentadbiran Kerajaan hinggakan mereka mengeluarkan surat-surat untuk sebaran am; jika sedar nyatakan samada perasaan seperti ini akan dibiarkan menular atau adakah peraturan dibuat supaya perasaan tidak puas hati serta pandangan-pandangan mereka disalurkan melalui jalan yang selamat dan berperaturan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Sedar. Pelajar-pelajar boleh mengeluarkan pendapat dan pandangan mengenai pentadbiran Kerajaan, asalkan pendapat itu tidak bertentangan dengan Perlembagaan dan Undang-undang Negara.

LORI KELAS "C"

43. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau akan menimbang membenarkan semua lori Kelas "C" disewa tanpa memerlukan pemilik-pemilik lori itu memohon untuk menukar kelas lori masing-masing.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Mengikut Road Traffic Ordinance 1958, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan ada mempunyai kuasa membenarkan lori Kelas "C" disewa dan kebenaran ini diberi hanya kepada pemilik-pemilik lori yang meminta kebenaran tersebut. Membenarkan semua lori-lori Kelas "C" disewa tanpa permintaan daripada pemilik-pemiliknyanya adalah bertentangan dengan undang-undang tersebut dan bertentangan juga dengan

kehendak-kehendak pemilik-pemilik Lori Kelas "C" yang tidak mengizinkan lori-lori mereka disewa kerana keperluan perniagaannya sendiri.

BAYARAN PAMPASAN (COMPENSATION) KEPADA DAYAK DARAT

44. Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memampas keluarga-keluarga 3 orang Dayak Darat yang telah tertembak mati oleh Pasukan Keselamatan semasa mereka pulang dari menangkap ikan di Kampung Segong, Daerah Bau Sarawak dalam tahun 1972.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Siasatan menunjukkan bahawa yang tertembak mati ialah dua orang dan bukannya tiga orang sebagaimana yang disoalkan oleh Yang Berhormat itu. Kerajaan telahpun membuat bayaran pampasan (compensation) sebanyak \$3,000 pada tiap-tiap seorang waris yang telah terkorban.

BOGEL DI KHALAYAK RAMAI

45. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa perbuatan berbogel telahpun menjalar di negara kita sebagaimana yang telah dilaporkan di dalam suratkhabar. "The Star" bertarikh 20hb Mac, 1974, dan apakah tindakan yang telah atau akan diambil untuk membuat mereka yang terlibat mematuhi prinsip kesusilaan seperti yang termaktub di dalam Rukunegara kita.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya memandang berat kejadian membogel di hadapan ramai, sekiranya benar berlaku di negara kita seperti yang dilaporkan di Pulau Pinang oleh akhbar-akhbar tempatan. Sebagai satu langkah permulaan, atas arahan saya kedua-dua pihak Polis dan Imigresen telahpun mengambil tindakan mengusir keluar hippies yang terdapat di negara kita. Saya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa sahaja yang didapati berbogel di khalayak ramai.

KERAJAAN THAI PIMPINAN SANYA DHARMASAKTI

46. **Dr S. Seevaratnam** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada terdapat apa-apa perubahan dasar yang dibuat oleh Kerajaan Thailand di bawah pimpinan Professor Sanya Thammasat tentang usaha-usaha bersama Kerajaan Thai-Malaysia untuk menghapuskan ancaman komunis di sempadan ini memandangkan keadaan keselamatan yang makin buruk di Malaysia sebagaimana yang diumumkan oleh Menteri-menteri Pusat, Ketua-ketua Menteri dan Menteri-menteri Besar.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Sebaik sahaja terbentuk Kerajaan di bawah pimpinan Dr Sanya Dharmasakti, saya sendiri pergi ke Bangkok menemui Perdana Menteri Dr Sanya Dharmasakti, Tun Dawee Chullasapya, Menteri Pertahanan dan Pegawai-pegawai Tinggi lain. Dalam pertemuan itu Kerajaan Thai telah memberi jaminan kerjasama yang penuh dan berterusan. Baru-baru ini satu rombongan Tinggi dari sini telah berlepas dengan Pegawai-pegawai Thai. Satu pertemuan lain juga akan diadakan.

SURUHANJAYA PILIHANRAYA— KANUN TINGKHAHLAKU PENGUNDI

47. **Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan mendesak Suruhanjaya Pilihanraya supaya menyusun suatu Kanun Tingkahlaku Pengundi sama seperti yang digunakan di Sarawak dalam Pilihanraya Umum 1969/1970 untuk mengelakkan berlakunya peristiwa-peristiwa yang tidak diingini dalam Pilihanraya Umum yang akan datang.

Perdana Menteri: Suruhanjaya Pilihanraya adalah sebuah badan yang bebas. Oleh yang demikian tidak timbul persoalan bagi Kerajaan mendesak Suruhanjaya itu.

Walau bagaimanapun, adalah diketahui bahawa pada tahun 1969/1970, Suruhanjaya Pilihanraya telah menyusun satu Kanun Tingkahlaku Pengundi. Samada Kanun Tingkahlaku Pengundi ini akan dilakukan juga pada Pilihanraya Umum yang akan datang ini adalah terserah semata-mata kepada keputusan Suruhanjaya Pilihanraya itu sendiri.

CAHAYA LAMPU DI MEJA MESYUARAT DEWAN RAKYAT

48. **Tuan R. C. M. Rayan** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan memperbaiki mutu cahaya lampu yang kurang baik di meja mesyuarat Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Perdana Menteri: Hampir semua mentol-mentol jenis Phillip Altrilux 500 watt yang asalnya dipasang di meja mesyuarat Ahli-ahli Dewan Rakyat telah ditukar dengan mentol-mentol jenis lain kerana kesulitan mendapatkan bekalan mentol-mentol tersebut pada ketika itu.

Jika Ahli-ahli Yang Berhormat fikir perlu tindakan akan diambil untuk memperbaiki keadaan cahaya lampu dengan menggunakan Phillip Altrilux 500 watt.

MENTERI BURUH DAN PEKERJA-PEKERJA HOTEL FEDERAL

49. **Dr A. Soorian** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar:

- (a) bahawa pada 20-3-74 dalam satu pertemuan di antara Yang Berhormat Menteri Buruh, Pihak Pengurusan Hotel Federal, Kuala Lumpur dan Persatuan Pekerja-pekerja Kebangsaan Hotel, Bar dan Restaurant cawangan Hotel Federal, Yang Berhormat Menteri Buruh telah marah, hilang sabar dan berkelakuan yang tidak wajar dengan Peraturan 5 Rukunegara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan dengan meneriak "Diam", "Keluar!", dan "Pecatkan dia! Saya akan bertanggungjawab, Pecatkan dia!";
- (b) jika ya, apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menjamin Menteri-menteri Kabinet menunjukkan contoh mengikut Rukunegara dalam pertemuan mereka dengan rakyat sehari-hari; dan
- (c) menyatakan bolehkah Encik B. S. Nathan diberi kerja semula kerana tidak ada sebab-sebab yang jelas atas pemecatannya.

Perdana Menteri:

- (a) Saya telahpun mendapat butir-butir daripada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, mengenai kejadian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Selepas meneliti keadaan dan latar

belakang seluruh kejadian itu, saya berpuashati bahawa Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat hanyalah cuba sedaya upaya untuk mententeramkan keadaan kelamkabut akibat dari provokasi Encik B. S. Nathan itu sendiri. Soal Menteri berkenaan telah berkelakuan tidak wajar dengan prinsip Ke-5 Rukunegara tidak berbangkit.

- (b) Menteri-menteri Kabinet sentiasa sedar akan prinsip-prinsip Rukunegara dan adalah mematuhi pada setiap masa tanpa mengira samada mereka diperjumpaan-perjumpaan dengan orang-ramai ataupun di lain-lain perjumpaan.
- (c) Encik B. S. Nathan telah dibuang kerja oleh Federal Hotel Sdn. Bhd., Kuala Lumpur dan samada beliau akan diambil bekerja semula atau tidak bergantung ke atas hasil penyiasatan ke atas pembuangannya.

IMPOT BERAS DARI CHINA

50. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan telah berhenti mengimpor beras daripada Negeri China dan berapa tan beras dari Negeri Thai yang dibawa masuk ke dalam negeri ini mengikut perjanjian yang dibuat baru-baru ini.

Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Pengimporan beras dari Negeri China masih diteruskan. Pembelian beras dari Negeri Thai yang dibuat baru-baru ini ialah sebanyak 60,000 tan.

Sebanyak 8,000 tan telahpun dibawa masuk dan 6,000 tan lagi akan tiba awal bulan depan.

Bakinya akan dibawa masuk seberapa segera bergantung kepada kemudahan perkapalan.

I.T.M.—MENAikkan TARAF UNIVERSITI

51. Tuan Haji Ahmad bin Arshad Minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau telah menerima memoranda daripada Kesatuan Siswa Instituit Teknologi MARA menggesa Kerajaan supaya menaikkan taraf I.T.M. ke taraf sebuah Universiti dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam hal ini.

Perdana Menteri: Memoranda itu telah saya terima dan dirujukkan ke pihak

berkenaan bagi pertimbangan yang sewajarnya. Malangnya sebelum pengumuman terhadap tuntutan itu dapat dibuat, peristiwa yang kita semua sudah tahu telah terjadi.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang juga Pengerusi Majlis Pentadbir I.T.M. telahpun membuat kenyataan yang panjang lebar mengenai hal ini di Dewan ini pada hari Isnin, 22hb April, 1974 yang baru lalu. Memandangkan suasana yang ada sekarang. Kerajaan belum bercadang mengumumkan keputusan terhadap tuntutan tersebut buat masa ini.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

PENGHARAMAN POLIS ATAS PERTUNJUKAN MALAM KEBUDAYAAN CHUN LEI

3.45 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat Bil. 18, saya berdiri meminta kebenaran hendak mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu pengharaman polis atas pertunjukan kebudayaan Chun Lei yang akan dipentaskan dekat 30 kali mulai dari semalam di Dewan Perhimpunan China Kuala Lumpur untuk memungut bantuan bagi sekolah-sekolah menengah persendirian:

Bahawa kebenaran diberikan kerana ini adalah tertentu mengenai usaha-usaha 40 buah persatuan kebudayaan dari seluruh negara yang telah berupaya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka ada menghantar kepada saya sepucuk surat, tidak payahlah diterangkan lagi, biarlah saya bacakan suratnya.

"Dengan ini di bawah Peraturan Mesyuarat Bil. 18 saya memberi notis meminta kebenaran untuk mencadangkan supaya ditangguhkan Dewan ini selepas masa pertanyaan hari ini dengan tujuan untuk membincangkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu pengharaman polis atas pertunjukan Malam

Kebudayaan Chun Lei yang akan dipentaskan 30 pertunjukan mulai dari semalam di Dewan Perhimpunan China, Kuala Lumpur untuk memungut bantuan bagi Sekolah-sekolah Menengah China persendirian."

USUL

"Bahawa kebenaran patut diberi kerana ini adalah perkara tertentu berkenaan usaha-usaha 40 buah persatuan kebudayaan dari seluruh negara yang telah berupaya semalam lebih daripada setahun menyusun pertunjukan ini untuk mengutip bantuan bagi objektif Malaysia yang sah iaitu sokongan bagi penggalakan Sekolah-sekolah Menengah China Persendirian yang sedang membuat sumbangan yang besar dalam perihal pemberian pendidikan kepada anak-anak kita, bahawa kebenaran patut diberi kerana ini adalah perkara penting yang berkehendak disegerakan supaya selepas membincangkan perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh didesak untuk membenarkan pertunjukan Malam Kebudayaan Chun Lei dipentaskan sebagaimana dijadualkan terlebih dahulu. Khususnya kerana berpuluh-puluh ribu rakyat Malaysia telah membeli tiket-tiket untuk pertunjukan ini yang akan dipentaskan sehingga sepanjang bulan Mei.

Bahawa kebenaran patut diberi kerana ini adalah satu perkara berkenaan kepentingan orang ramai oleh kerana pengharaman polis bersamaan dengan penangkapan orang-orang yang mengorganisasi dan aktivis-aktivis pertunjukan Malam Kebudayaan Chun Lei ini telah mengakibatkan perasaan kebimbangan dan kekhawatiran bukan sahaja bagi berpuluh-puluh ribu rakyat Malaysia yang telah membeli tiket menyokong pertunjukan ini bahkan juga bagi orang ramai tentang samada tindakan-tindakan keras yang bersifat menindas ini, pembayangan sikap Kerajaan Barisan Kebangsaan terhadap kedudukan dan masa depan pelajaran China di Malaysia.

Bahawa memandang sebab-sebab yang tercatat di atas Dewan ini mengambil ketetapan untuk menyampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kebimbangan dan kekhawatiran mengenai pengharaman polis atas pertunjukan Malam Kebudayaan

China Chun Lei dan juga beberapa penangkapan yang dilakukan di atas orang-orang yang pertunjukan ini serta juga menyampaikan resolusinya bahawa mereka yang telah ditangkap kesemuanya mestilah dibawa ke dibebaskan dan bahawa pertunjukan Malam Kebudayaan Chun Lei mesti dibenar untuk dipentaskan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
Tandatangan:

(LIM KIT SIANG)

Ahli Parlimen Bandar Melaka."

Di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat Bil. 18 (2) Yang di-Pertua sebelum membenarkan permintaan seperti itu hendaklah puashati perkara yang hendak dirundingkan itu ada mempunyai syarat-syarat yang tepat iaitu perkara tertentu berkehendak disegerakan dan berkenaan dengan kepentingan orang ramai.

Pada pandangan saya syarat-syarat supaya saya boleh membenarkan permintaan ini tidak memuaskan. Perkara tertentu yang dikatakan itu tidak boleh diterima di sini oleh kerana perkara permohonan kebenaran mementaskan boleh dirundingkan lagi antara pihak yang meminta kebenaran dengan pihak yang memberi kebenaran. Dari itu pihak meminta kebenaran dengan pihak yang berkuasa barangkali pemohon-pemohon belum memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh undang-undang ataupun dalam perkara yang hendak dilakukan itu iaitu 30 pertunjukan dalam perkara itu ada mengandungi barang-barang yang tidak boleh dibenarkan dalam negeri. Saya puas hati perkara ini boleh dirundingkan lagi.

Pandangan di atas syarat-syarat yang lain tidak payah saya huraikan satu-persatu, memadai jika saya katakan, saya tidak berpuas hati, kerana ini suatu perkara untuk kepentingan orang ramai atau of public importance yang cukup untuk kepentingan orang ramai; of public importance sahaja tidak cukup, tetapi public importance yang cukup penuh perkara memohon pementasan di dalam negara bukanlah satu perkara yang mengenai keseluruhan negara kita dan berkehendak disegerakan. Saya pun tidak tahu, sebabnya mahu disiasat dahulu bukan

sahaja oleh pihak yang berkuasa, tetapi juga bagi pihak pemohon untuk mematuhi syarat-syarat yang dikenakan itu.

Permintaan itu saya tidak luluskan.

USUL

AKTA PERATURAN KEWANGAN, 1957

Pelaburan Dalam Bank Pembangunan Malaysia

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa Dewan ini mengambil keputusan bahawa sejajar dengan Seksyen 8 (3) (a) (iv) Akta Peraturan Kewangan 1957, Kerajaan boleh membuat pelaburan sejumlah tidak lebih daripada lima belas juta ringgit sebagai kredit ataupun dilabur sebagai pinjaman kepada Bank Pembangunan atas syarat-syarat tertentu dan kepada syarat-syarat yang dipersetujui di antara Menteri Kewangan dan Bank yang tersebut. (26hb April, 1974).

Perbahasan disambung semula.

3.45 ptg.

Tuan Haji Mokhtar bin Ismail (Perlis Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh usul yang dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan yang dibentangkan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usul yang tersebut dikehendaki bahawa Kerajaan bolehlah membuat pelaburan yang berjumlah tidak lebih daripada \$15 juta untuk menolong bumiputra. Ini adalah satu masaalah yang saya pandang amat mustahak bagi bumiputra untuk menjalankan perdagangan dan perusahaan mereka bagi mencapai matlamat yang mana dalam masa 20 tahun hendaklah jumlah bilangan bumiputra sebanyak 30%. Memandang pada masa-masa yang lalu walaupun ada banyak badan-badan yang telah ditubuhkan untuk menolong bumiputra dalam masaalah menjalankan perniagaan dan perusahaan um-

MARA, UDA dan lain-lain yang berkanun lagi, tetapi di dalam pengalaman saya badan-badan yang tersebut tentulah tidak dapat menolong bumiputra di dalam memajukan perusahaan mereka di dalam masa-masa yang tersebut.

Umpamanya, MARA yang dapat menolong bumiputra hanya sebanyak \$15,000, tetapi pada masa ini \$15,000 apakah perusahaan yang dapat kita jalankan di dalam negara kita ini, sedangkan kalau hendak membuka sebuah restoran yang sederhana di Ibukota ini berkehendakkan wang tidak kurang daripada \$40,000 atau \$50,000. Dengan yang demikian, maka banyaklah kedengaran yang kita dapati di masa-masa yang telah lalu bahawa bumiputra telah menerima berbagai-bagai masaalah dan kegagalan di dalam menjalankan perusahaan mereka.

Saya suka menarik perhatian mengenai satu masaalah kecil sahaja yang ada dalam negara kita pada hari ini iaitu menjalankan perusahaan pam minyak (petrol pump) di dalam negara kita ini. Kalau kita membuat perhitungan berapa banyakkah anak bumiputra kita yang telah menceburkan diri di dalam perusahaan yang tersebut? Pada hal itulah satu perusahaan yang kita fikir boleh mendatangkan keuntungan kepada peniaga-kerana kebanyakan pembeli-pembayar dengan wang tunai. Dengan hal yang demikian, saya percaya dengan adanya usul ini, maka saya berharap bahawa bagi masa akan datang bumiputra akan dapat memainkan peranan di dalam perusahaan pam minyak yang saya sebutkan sebentar tadi.

Di masa-masa yang lalu begitu juga kita dengar rungutan-rungutan dari pedagang-pedagang iaitu mereka amatlah sukar hendak mendapatkan pinjaman-pinjaman dan begitu juga terlalu lambat, kerana kebanyakan daripada pegawai-pegawai yang ada di dalam badan-badan seperti MARA dan lain-lain badan berkanun tadi, mereka ini memandang diri mereka bukanlah daripada pegawai-pegawai dari sebuah badan perniagaan, bahkan mereka memandang diri mereka itu sebagai pegawai Kerajaan juga, apabila sampai masa pukul 4.00 petang mereka keluar dari pejabat. Dengan hal yang demikian, maka amatlah susah bumiputra; kadang-kadang datang sampai tiga atau empat kali belum lagi bertemu dengan pegawai-pegawai yang tersebut. Oleh kerana itu, saya berharap manakala telah diluluskan usul ini, maka pihak Kementerian hendaklah betul-betul memilih bahawa pegawai-pegawai yang akan menjalankan tugas di dalam badan yang tersebut hendaklah benar-benar mereka yang

ada mempunyai pengalaman di dalam perniagaan dan begitu juga mereka sanggup bersabar dan bertenang di dalam masa menjalankan tugas-tugas yang tersebut.

Di dalam masalah cagaran, banyaklah daripada rakan-rakan saya di dalam Dewan ini yang telah bercakap berkenaan dengan kesukaran-kesukaran di masa yang lalu bagi pedagang-pedagang bumiputra yang hendak mendapatkan cagaran. Kebanyakan daripada ahli-ahli perniagaan bumiputra bukanlah mereka itu daripada orang yang mempunyai harta atau orang yang kaya, dan kebanyakan daripada mereka itu datangnya daripada peniaga-peniaga kecil, tetapi lama-kelamaan mereka dapat membangunkan perniagaan mereka, dan akhirnya mereka telah cuba hendak membuka perniagaan mereka itu dengan secara yang lebih besar lagi. Apa yang menjadi kesukaran manakala mereka menghadapi untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman daripada badan-badan yang tertentu, maka timbullah juga masalah cagaran. Peniaga ini akan ditanya ada atau tidak cagaran. Kalau tidak ada cagaran sukar. Walaupun Yang Berhormat Menteri telah memberi jawapan yang begitu menyenangkan hati apabila kita dengar, tetapi perlaksanaannya tidaklah sebagaimana apa yang tersebut tadi. Umpamanya, pada hari ini ada ahli-ahli perniagaan yang cuba hendak membuat pinjaman melalui bank-bank mereka. Umpamanya, pada hari ini ada ahli perniagaan bumiputra yang cuba hendak membuat pinjaman melalui bank-bank mereka, tetapi ada juga yang menasihatkan kepada mereka itu sekiranya hendak mendapatkan pinjaman dengan segera, maka hendaklah tuan menyimpan wang di dalam Chartered Bank, kerana itulah bank yang boleh dapat menguruskan pinjaman dengan segera. Saya tidak tahu adakah itu benar atau tidak, tetapi mereka mengatakan kalau membuat pinjaman ini melalui Bank Bumiputra atau Malayan Banking, terpaksa menunggu beberapa lama, barulah dapat jawapan. Saya tidaklah tahu kebenarannya, tetapi begitulah cakapan daripada ahli peniaga bumiputra dalam negeri Perlis, yang memberitahu bahawa mereka amatlah sukar hendak mendapatkan pinjaman kredit daripada bank tersebut, sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya berharap dengan adanya Bank Pembangunan Malaysia yang akan ditubuhkan nanti dan sepertimana Yang Berhormat

Menteri pernah bercakap dahulu bahawa perkara ini tidak akan timbul masalah lagi. Dengan hal yang demikian, barulah dapat bumiputra ini mendapat faedah yang sebenar-benar dalam masalah tersebut. Umpamanya, dalam negeri Perlis banyak pedagang bumiputra yang berkehendakkan pinjaman untuk menjalankan perusahaan mereka, tetapi kesukaran-kesukaran sebagaimana yang saya sebutkan tadi telah menghalang usaha-usaha mereka. Saya berharap dengan tertubuhnya bank ini, maka segala masalah-masalah yang telah dibangkitkan di dalam Dewan ini dapatlah diselesaikan dengan harapan yang baik.

Pada akhirnya, saya sekali lagi menyokong usul ini dan saya berharap Bank Pembangunan Malaysia yang akan ditubuhkan ini akan benar-benar memberi faedah kepada bumiputra.

3.53 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk melaburkan wang sebanyak \$15 juta bagi Bank Pembangunan Malaysia bagi maksud-maksud yang dinyatakan olehnya beberapa hari yang lalu iaitu bertujuan untuk menggalakkan Bank Bumiputra dalam bidang perusahaan dan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa saya menyokong usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Menteri berkenaan dalam hal tersebut, kerana ini adalah satu daripada beberapa langkah Kerajaan untuk menolong kaum bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perusahaan yang mana sekarang ini masih begitu jauh ketinggalan. Walaupun dasar Rancangan Malaysia Kedua telah berjalan beberapa lama, tetapi terdapat kedudukan pemodal dan pengusaha bumiputra masih jauh ketinggalan lagi.

Sebagaimana yang kita dapat lihat atas penyata yang dibentangkan oleh pihak Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan menunjukkan bahawa walaupun ada peruntukan yang diberikan kepada kaum bumiputra dalam lapangan saham dan perusahaan, tetapi keadaannya masih belum memuaskan, jauh daripada memuaskan kalau dibandingkan dengan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh pihak lain

yang begitu aktif sekali untuk menjalankan perusahaan pengeluaran dan juga hingga dapat mengeksport barang-barang daripada Malaysia. Hasil daripada perusahaan-perusahaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang tercatat di dalam penyata Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua bahawa kedudukan pelaburan modal kaum bumiputra masih berjumlah 1.9% ataupun hanya \$102 juta sahaja berbanding dengan orang-orang lain yang berjumlah begitu banyak. Saya rasa, kalau Kerajaan tidak mengadakan banyak badan-badan yang tertentu bagi mencapai lebih cepat maksud Rancangan Malaysia Kedua, iaitu mengenai kedudukan bumiputra dalam lapangan perusahaan dan perdagangan sebanyak 30% sudah tentu tidak akan tercapai. Cubalah kita kira dalam masa 20 tahun yang akan datang di bawah Rancangan Malaysia Kedua di mana kita perlukan \$13 ribu juta atau \$14 ribu juta bagi mengimbangi modal orang lain. Ini mengikut angka yang ada sekarang ini, apa pula kalau dipertimbangkan di satu masa ataupun dalam masa 20 tahun akan datang di mana pertumbuhan pemodal-pemodal asing dan pemodal-pemodal tempatan bukan bumiputra akan lebih banyak lagi, maka sudah tentu untuk mencapai maksud itu tidak akan dapat diperolehi sekiranya tidak dengan bersungguh-sungguh melalui badan-badan yang akan ditubuhkan oleh pihak Kerajaan. Bank Pembangunan Malaysia ini, adalah satu langkah yang patut disokong oleh seluruh rakyat Malaysia samada bumiputra dan bukan bumiputra sebagai satu usaha untuk mengimbangi modal antara kaum di negara ini dan menghasilkan penyatuan kaum yang berada di Malaysia.

Banyak rancangan yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam menolong kaum bumiputra di masa yang telah lalu dan juga sekarang ini, tetapi rancangan itu kadangkala masih banyak boleh dikritik dan masih belum memuaskan dan di dalam Dewan ini perkara seperti itu harus ditimbulkan, bukanlah kerana tidak memberi sokongan, tetapi perlu diambil perhatian untuk kebaikan rancangan-rancangan di masa yang akan datang.

Saya contohkan Bank Bumiputra. Asas penubuhan Bank Bumiputra ini ialah untuk memberi galakan kepada orang Melayu dalam lapangan perusahaan dan perdagangan, dan ini adalah satu tempat di

mana orang Melayu dapat mencari wang atau meminjam wang untuk menjalankan perusahaannya. Sekarang ini mengikut rekod orang-orang bukan bumiputra lebih banyak meminjam wang di Bank Bumiputra sedangkan orang bumiputra meminjam wang daripada bank itu masih rendah dan masih berkurangan. Sungguhpun banyak jawapan boleh dibuat oleh pihak yang berkenaan dalam hal ini, umpamanya, dengan sebab kaum bumiputra tidak dapat menyediakan rancangan-rancangan yang lengkap, tidak dapat menyediakan jaminan-jaminan yang baik bagi mendapatkan wang. Saya kira itu adalah satu jawapan yang boleh dijawab oleh sesiapa pun apabila ada soalan, maka ketika itu jawabannya mesti ada.

Saya tahu bahawa dalam beberapa masaalah pihak Bank Bumiputra tidak dapat memberikan pinjaman kalau peminjam itu tinggal lebih daripada 20 batu, sebabnya tidak ekonomik, tidak cukup belanja untuk menjalankan penyiasatan berbanding dengan pinjaman yang akan diberi, katanya. Kejadian-kejadian ini selalu saya menerima aduan-aduan dari pihak pemohon-pemohon pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini saya kira kurang menyenangkan. Sepatutnya tidak timbul masaalah 20 batu daripada bank itu ada. Walaupun lebih daripada 20 batu kalau bumiputra itu benar-benar menjalankan perniagaannya dan kalau bumiputra itu memang menjalankan perniagaan maka saya perlu diberi pinjaman. Hal ini pernah saya membuat hubungan dengan pihak-pihak yang berkenaan dalam bank ini tetapi jawapan-jawapan yang saya terima adalah demikian dan saya rasa ini tidak senang hati dan saya fikir lebih baik saya sebutkan di Dewan yang mulia ini. Apakala pihak orang bumiputra yang hendak menjalankan perniagaan seperti itu tidak mendapat pinjaman daripada bank kerana ia hanya baru menjalankan perniagaan kemudian dialih p la pinjaman itu kepada pihak MARA. MARA menjawab bahawa ia tidak dapat diberi kerana baru hendak menjalankan perniagaan. Saya tidak fikir masalah pengalaman walaupun dahulu pernah menjalankan pekerjaan tetapi sekarang baru hendak mula berniaga maka pihak MARA tidak boleh pertimbangkan pinjaman seperti ini. Ertinya, ke kanan pun tidak boleh, ke kiri pun tidak boleh. Hendak pinjam dengan

Bank Bumiputra pun tidak boleh, hendak pinjam dengan MARA pun tidak dapat. Ini kejadian-kejadian. Saya rasa, perkara seperti ini disebabkan oleh tidak ada penyelarasan ataupun kerjasama antara pihak badan-badan Kerajaan yang hendak menolong kaum bumiputra dalam lapangan perusahaan dan perdagangan. Kalau penyelarasan ini ada sudah tentu boleh dijalankan, misalnya antara MARA dan pihak Bank Bumiputra.

Satu perkara lagi yang selalu timbul ialah masalah kertas kerja yang perlu dibuat oleh pihak pemohon pinjaman daripada kaum bumiputra untuk mendapat pinjaman daripada bank. Selalu didapati kertas-kertas kerja ini payah hendak diluluskan dengan sebab katanya cara mengisi, cara membuatnya tidak sempurna, tidak sesuai, tidak ekonomi dan sebagainya. Ini saya akui memang benar kerana kebanyakan daripada orang-orang bumiputra yang menjalankan perniagaan memang baru dalam lapangan itu untuk membuat satu kertas kerja bagi mendapat pinjaman daripada pihak bank dengan secara lengkap sebagaimana yang dibuat oleh badan-badan perunding tentu tidak boleh buat demikian. Kalaulah dapat pun kerjasama daripada pegawai-pegawai Kerajaan tetapi untuk sama sebagaimana yang dibuat oleh badan-badan perunding tentu tidak boleh perolehi, dan kalau hendak diminta badan perunding membuat kertas-kertas kerja tentulah kena bayaran-bayaran yang lebih mahal sedangkan kaum bumiputra hanya ada modal yang sedikit dan untuk menjalankan perniagaan lebih banyak perlu sumbangan daripada pihak Bank Bumiputra ataupun bank-bank yang menolong kaum bumiputra. Hal ini harus diambil perhatian oleh Menteri yang berkenaan.

Satu perkara yang saya ingin sebutkan ialah berkaitan dengan Rancangan Credit Guarantee Corporation yang dijalankan oleh pihak bank-bank perniagaan yang dianjurkan oleh pihak Bank Negara sendiri. Saya rasa cadangan ini kurang memuaskan dengan sebab saya dapat tahu ada salahguna-salahguna dilakukan oleh pihak bank-bank perdagangan di mana kredit ini bukan kepada peniaga-peniaga kecil kaum bumiputra yang diberi tetapi peniaga-peniaga kecil yang bukan daripada kaum bumiputra. Kemudian keterangan dalam hal ini payah didapati. Misalnya kaum bumiputra pergi untuk mendapat pinjaman ini dapat kredit

ataupun sijil ini daripada pihak Pengurus bank selalu keterangan payah diberi. Dialah begitu-begitu dengan cakap yang pendek-pendek sahaja, banyak kerja dan sebagainya dan kalau hendak jelas dia kata lebih baik pergi ke Bank Bumiputra, pergi ke MARA, pergi ke pegawai Kerajaan yang berkenaan. Jadi hamba Allah orang-orang bumiputra yang menjalankan perniagaan ini yang memang hendak berjumpa dengan Pengurus bank itu sudah takut apatah lagi kalau pihak Pengurus bank itu cakap buat payah sudah tentulah untuk menjalankan Credit Guarantee Corporation ini sudah tentu tidak akan dapat dinikmati oleh orang-orang bumiputra yang mahu menjalankan perniagaan dan mahu menjalankan perusahaan sebagaimana yang digalakkan oleh pihak Kerajaan. Saya fikir dan saya minta supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan harus mengambil perhatian. Memang benar saya dapat tahu ada sebahagian golongan bank yang menggalakkan ini.

Saya dapat tahu daripada golongan Mercantile Bank ataupun Hong Kong Bank katanya. Saya dapat tahu bahawa bank ini lebih mudah dapat pinjaman tetapi kalau Malayan Banking, UMBC payah untuk mendapat pinjaman dengan keadaan-keadaan yang menyulitkan. Saya kira patut diambil perhatian atas hal ini. Biarlah bank-bank perdagangan ini sama juga dengan bank-bank lain dalam usaha untuk menolong kaum bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta lagi kepada pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya pemberian pinjaman ini biar banyak sedikit. Jangan beri pinjaman sebanyak \$3,000 hingga \$5,000 sahaja, biarlah banyak. Semalam saya di Kuantan seorang sahabat saya menceritakan bahawa saya boleh dapat \$1,000 pinjaman daripada pihak Bank Bumiputra. Saya kata fasal apa? Dia tidak setuju kerana saya minta \$3,000 hanya beri \$1,000. Saya cakap, minta \$10,000 baru dia beri \$3,000. Tidak, kalau \$10,000 form pun tidak dapat dia kata kita bohong. Kedai macam inipun bohong lagi, saya kata. Itulah kejadian yang berlaku bahawa kedai yang macam ini bohong lagikah untuk tambah modal dalam \$5,000. Dia kata pegawai yang berkenaan kata itu bohong. Saya kata kalau macam itu tidak mengapalah, inipun satu pandangan

saya setelah saya berjumpa dengan sahabat saya di Kuantan. Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini berlaku.

Selain daripada itu saya syorkan supaya pihak bank misalnya Bank Pembangunan Malaysia ini hendaklah menubuhkan satu yunit yang menyediakan kerja-kerja yang perlu dijalankan ataupun merupakan sebagai consultant body iaitu projek yang perlu dilaksanakan oleh kaum bumiputra itu projek-projek yang betul-betul ekonomi, projek yang boleh prektikal. Kalaulah kita harapkan kaum bumiputra itu sendiri mencari badan perunding untuk menjalankan projeknya sudah tentu tidak dapat dan bayarannya mahal, dan kalau sekiranya bank sendiri mengadakan satu badan perunding ataupun pegawai yang menjalankan kajian ini dan dikenakan dengan bayaran yang murah saya rasa itu baik. Kita adakan siap sedia, misalnya kita katakan untuk mengadakan projek satu perusahaan lain, satu perniagaan dalam bidang perikanan mesti ada satu kajian yang membolehkan bagaimana usaha ini boleh dijalankan dan kajian ini hendaklah dijual kepada kaum bumiputra yang mahu menjalankan perusahaan itu bukan dengan free tetapi dengan bayaran, tetapi tidak bayaran sebagaimana yang dibuat oleh badan perunding yang saya tahu memang selalunya mahal.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagikah Ahli Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ada sedikit lagi. Selain daripada itu, saya minta lagi supaya awasi pekerjaan setelah pinjaman itu diperolehi, pekerjaannya harus diawasi samada dari segi pengurusan, kira-kira dan sebagainya. Kita tidak mahu pinjaman diberi \$30,000 kepada kaum bumiputra dia ambil tiket terbang pergi ke Hong Kong. Ini saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, pernah berlaku. Saya dapat wang pinjaman daripada Bank Bumiputra kemudian saya pergi ke Hong Kong, makan angin. Saya harap perkara ini tidak akan berlaku lagi. Jadi pengurusan perjalanannya itu betul-betul wang daripada Bank Pembangunan Malaysia ini akan disumbangkan kepada perusahaan yang akan dijalankan oleh mereka itu sendiri.

Saya rasa ada baiknya pihak Bank Pembangunan Malaysia ini menghantar wakil-wakil dalam syarikat ataupun badan yang

menjalankan perusahaan itu oleh bumiputra sebagai penyelia ataupun menjalankan pandangan apakah kerja-kerja yang dijalankan oleh pihak orang-orang yang berkenaan dalam menjalankan usahanya sendiri. Saya minta supaya saham-saham bank ini dijual kepada kaum bumiputra. Sekarang ini masih tidak ada. Orang Melayu yang terutama sekali tidak ada bank. Hendak beli syer bank pun tidak dapat. Bank Bumiputra sehingga hari ini tidak jual lagi sahamnya dan Bank Pembangunan Malaysia ini pun tidak jual lagi. Saya minta juallah saham-saham ini supaya orang-orang bumiputra dapat beli. Kerana pada masa yang lalu ada beli sedikit sebanyak orang-orang kita beli saham MARA, sekarang saham MARA jatuh. Tetapi kalau beli saham bank, tentulah saya rasa tidak jatuh sebagaimana yang dialami oleh saham MARA sebab nampaknya saham bank lebih baik daripada saham-saham lain.

4.12 ptg.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu (Santubong): Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya harap Ahli Yang Berhormat dapat pendekkan ucapan oleh kerana sudah panjang benar dibahaskan usul ini, supaya Yang Berhormat Menteri boleh menjawab pada hari ini.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu: Ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang sedang dibincangkan ini dan dalam memberi sokongan ini, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Kementerian yang bertanggungjawab kerana langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah merupakan satu langkah yang baru membuka peluang kepada pihak bumiputra supaya mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila tertubuhnya Bank Pembangunan Malaysia ini nanti, maka saya bagi pihak bumiputra di Sarawak berharap dengan sepenuh-penuhnya supaya perkhidmatannya dapat dijalankan betul-betul atas landasan yang tertentu supaya selaras dengan Dasar Ekonomi Baru untuk meninggikan taraf hidup mereka yang

tersebut di atas supaya memupuk dan mempersaibangkan dengan mereka yang berada dan inilah matlamatnya, dan kita tidak ada niat hendak merampas hak-hak yang sedang dimiliki oleh mereka yang berada, tetapi saya berasa dukacita sedikit berkenaan dengan modal yang dilaburkan sebagai pinjaman kepada bank yang tersebut. Dalam pandangan saya setakat \$15 juta ini sahaja, saya khuatir wang yang sebanyak ini mungkin tidak dapat dijalankan dengan lancarnya kerana memandangkan keadaan di saat ini tekanan inflasi sedang menimpa di seluruh dunia, semakin sehari semakin naik melambung tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang syarikat-syarikat bumiputra sedang giat di dalam lapangan perniagaan dan perusahaan kerana menyahut seruan Kerajaan, tetapi malangnya mengenai kedai jualan runcit untuk di kampung-kampung di luar bandar susah benar hendak mendapatkannya disebabkan ada tertentu suatu undang-undang yang dibuat sebelum Negeri Sarawak merdeka dahulu, masih lagi dikuatkuasakan sehingga sekarang ini.

Saya dapat tahu ada setengah permohonan-permohonan daripada bumiputra telah ditolak dan setengah-setengah sampai tidak diberi jawapan langsung daripada pejabat yang berkenaan dan didiam-diamkan begitu sahaja dan setengah-setengah mereka yang mendapat jawapan yang tidak mendapat layanan dengan alasan di kampung itu sudah cukup kedai kerana mengikut banyak hitungan rumah-rumah yang ada di situ. Jika tidak salah ingatan saya iaitu sebanyak 30 buah rumah hanya sebuah kedai sahaja ataupun sebuah lesen sahaja boleh dibenarkan. Dalam masaalah ini menjadi satu halangan terhadap bumiputra dalam hal yang demikian.

Sebelum saya mengakhirkan ucapan saya dengan serba ringkas ini, saya merayu kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya mengambil perhatian di dalam perkara ini.

4.17 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkon (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi perhatian sedikit dalam perbahasan atas Usul yang mencadangkan untuk memberi pinjaman kepada Bank

Pembangunan Malaysia oleh Kerajaan berjumlah \$15 juta. Dalam perhatian saya ini, saya suka menarik perhatian Kerajaan kepada masaalah yang menghadapi rakyat di Sarawak berkenaan dengan perkara pembangunan dan juga bagaimana Bank Pembangunan Malaysia ini dapat digunakan untuk menolong rakyat di sana.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, I wish to state that the \$15 million to be loaned to Bank Pembangunan Malaysia will not be enough if the Government is considering to extend the services and facilities of this body to Sarawak and Sabah. The aim and purpose of this Bank is a very worthy objective and should merit the support of every Honourable Member. However, I must caution that no matter what good purpose and fine objectives are intended, it will not serve such aims if there is no proper and effective implementation.

Sir, at the moment, we must not forget that we have many other Government and semi-Government bodies catering for similar services and providing the poor rural rakyat with assistance in the form of loans and advices. I have heard that many of these bodies had incurred large amounts of bad debts due to the fact that many loans were not recoverable and many projects were not implemented as intended.

I can see that if such pitfalls are to be avoided, Bank Pembangunan Malaysia must find other alternative approaches in order not to follow the same trend. There is also my fear that the services and facilities to be made available by this Bank may in the long run duplicate the services and facilities now provided for and made available by bank Pertanian, Bank Bumiputra, MARA, the S.E.D.C.s and other bodies. Therefore, in both instances, we will defeat the very objective of this Motion, that is, to invest public money in a worthwhile body which may not find it practical to function if it is in competition with and not parallel to other existing agencies. I would, therefore, feel that whatever steps the Bank intends to take, it must be complementary to the other existing bodies and the Bank should explore other avenues where these many existing bodies have not ventured into or are unable to do so.

I would not like to see the \$15 million public money go down the drain and therefore I would like to seek an assurance that there will exist certain conditions whereby this Bank Pembangunan would become a source of national asset rather than a national liability in our efforts towards development of Malaysia for the people.

In the context of Sarawak, I would like to say that Bank Pembangunan should assist Bank Pertanian, Bank Bumiputra, the S.E.D.C.s and other bodies to help the more enterprising rural people to set themselves up. Bank Pembangunan can give loans towards constructing low-cost rural homes, help the farmers and their co-operatives to purchase machines for farming, give soft loans to provide simple and basic water supplies to places which are unable to get any grants from the State Government. All loans should be soft loans, that is, with longer period of repayments and smaller rates of interests. In this way, it will become the rakyat's bank where they can get the necessary help in the form of small loans to buy fertilisers while waiting for their subsidies to be approved, or to purchase portable sawbench engines to cut planks and posts for their building materials in the absence of any form of low-cost housing assistance from the Government. In the context of low-cost housing, I can see the important role Bank Pembangunan can play in Sarawak. In the form of giving immediate assistance for farmers, for the purchase of fertilisers, insecticides and so on, it will become a necessity, while the farmers can await their first harvest of pepper, padi or other crops with which they then can repay the loans.

This is why Bank Pembangunan should not be confined to the bigger towns. It must branch off into the rural districts to provide the help, where help is most needed by the people. In the town, there are enough banking facilities as it is and Bank Pembangunan would only duplicate existing services.

I would also emphasise, in the Sarawak context, that assistance should not be restricted to particular areas of operation or to particular communities. It must be to help the have-nots to help themselves, not in the form of free assistance, but assistance to be paid for by the people themselves. It is about time that we should reduce the people's attitude of depending too much on Govern-

ment hand-outs in the form of free assistance. I am not advocating its complete abolition, but rather a gradual and stage-by-stage lessening to the time when our people are able to fend for themselves in this ever changing socio-economic world. We want to give our people a sense of pride in personal achievement. We want to ensure that they are able to do this and pay for whatever assistance the Government will give and not all the time depending on Government's constant paternalism. Only in this way can we achieve full development, and Bank Pembangunan can take active and effective participation in our national progress at grass-root level. Thank you.

4.20 ptg.

Tuan Lee Seck Fun (Tanjong Malim): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa sejajar dengan Seksyen 8 (3) (a) (iv) Akta Peraturan Kewangan 1957, Kerajaan boleh membuat pelaburan sejumlah tidak lebih daripada lima belas juta ringgit sebagai kredit ataupun dilabur sebagai pinjaman kepada Bank Pembangunan Malaysia atas syarat-syarat tertentu dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dipersetujui di antara Menteri Kewangan dan Bank yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang tahu dalam melancarkan Dasar Ekonomi Baru, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata tujuan kita hendak restructure the society dan juga berharap dalam masa dua puluh tahun orang-orang Melayu ataupun bumiputra dapat menguasai 30% dalam perniagaan. Jadi, kenalah masanya bagi Kerajaan melaburkan wang dalam Bank Pembangunan Malaysia ini. Kita tahu sekarang ini ada bank-bank seperti Malayan Banking Berhad, Public Bank Berhad, Bank Bumiputra, Hongkong Bank, Chartered Bank dan United Malayan Banking ada membuka cawangannya di luar-luar bandar dan kepada bank-bank ini patutlah kita mengucapkan terima kasih. Bank-bank ini sekarang mendapat arahan daripada Gabenor Bank Negara Malaysia kita memberi sedikit kelonggaran untuk memberi pinjaman kepada bumiputra untuk tujuan perniagaan. Kita harap Bank

Pembangunan Malaysia ini dengan seberapa segera menubuhkan cawangannya ke tiap-tiap pekan kecil. Nampaknya Malayan Banking, United Malayan Banking Corporation Berhad, Public Bank Berhad telah ada di pekan-pekan kecil seperti di Tanjung Malim, Bidor dan satu lagi akan diadakan di Slim River dan juga bank-bank yang lain telah sampai di tempat-tempat dan pekan-pekan kecil yang dahulunya rakyat tidak nampak bank-bank. Masa dahulu bank-bank cuma ada di bandar sahaja seperti di Kuala Lumpur, Ipoh, Penang dan Seremban. Sebelum arahan daripada Bank Negara, bank-bank ini bukan tidak suka membuka cawangan di luar bandar, tetapi mungkin bank ini dikawal oleh Bank Negara, sebab mereka tidak boleh buat apa yang mereka suka. Tetapi bila Bank Negara memberi arahan supaya berbuat seperti ini, bank-bank tersebut mesti mengikut.

Sekarang saya nampak pengundi-pengundi bumiputra di kawasan saya telah banyak mendapat peluang-peluang perniagaan. Baru-baru ini saya telahpun berhubung dengan Malayan Banking, United Malayan Banking, Public Bank dan lain-lain, saya diberitahu banyak bumiputra telah meminjam sebanyak \$5,000-\$10,000 dan kalau projek itu besar boleh dipinjam hingga \$20,000. Setahu saya pejabatnya sekarang ialah di Wisma Yakin, Kuala Lumpur. Inilah satu Credit Corporation yang boleh meminjam sampai \$30,000 dengan tidak payah cagaran, tetapi Working Paper mengenai perniagaan, kedai mestilah bagus, kalau sekiranya Working Paper yang diberikan itu bagus, pinjaman boleh diluluskan sampai \$30,000. Dan kalau sekiranya didapati kurang elok, pinjaman boleh diberi hingga \$5,000. Nampaknya sekarang usaha ini sedang berjalan dan penduduk-penduduk di kawasan saya merasai nikmatnya di bawah rancangan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan kita.

Sekarang ini, kita sedang membahaskan usul mengenai Bank Pembangunan Malaysia yang akan mendapat pinjaman sebanyak \$15 juta. Kita mestilah menyokong bank ini. Dan bank-bank lain hendaklah menyokong juga seperti Malayan Banking, Public Bank, Hongkong Bank, Chartered Bank dan lain-lain dan sekiranya bumiputra berkehendakkan pinjaman, hendaklah ditolong mereka. Kita tahu usul ini memang baik. Walau bagaimanapun, modal adalah perkara penting kerana bumiputra berkehendakkan

modal untuk menjalankan perniagaannya. Sekarang ini MARA memberi bermacam-macam kursus: seperti simpan kira-kira dan lain-lain. Sekiranya mereka lulus dari Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dengan kelulusan Business Administration, dan walau berapa pandai sekalipun, sekiranya tidak ada modal, tidaklah berguna juga. Umpamanya, orang-orang China, kalau berniaga kedai kopi dari kaum Hailam, Hokkien berniaga kedai getah, jadi dia ada connection dengan perniagaannya itu. Kalau tidak ada connection, tak ada credit, susah. Kalau orang Kongfu berniaga getah dan dia tidak tahu mengenai pasaran getah, dua hari berniaga dia bankrupt kerana tidak ada co-ordination. Sebab itu hubungan dalam perniagaan ini adalah mustahak. Dan Bank Pembangunan Malaysia ini sekarang diminta memberi credit yang lebih dan ini adalah patut. Saya harap parti-parti Pembangkang tidak akan memusingkan tujuannya yang sebenar, kerana tujuannya tidaklah seperti RIDA dahulu. Banyak bumiputra telah mengambil kursus di MARA dan mereka sekarang adalah bertanggungjawab dalam menjalankan perniagaannya, tidaklah seperti dahulu dengan membeli barang-barang yang tidak mustahak seperti membeli peti sejuk dan sebagainya. Sekarang saya tahu bumiputra di kawasan saya tidaklah seperti dahulu lagi. Bumiputra sekarang ini lebih bertanggungjawab dan Kerajaan pula menitik-beratkan soal sains dan teknologi. Dan ini tentu sekali akan meninggikan lagi taraf hidup mereka terutama sekali belia-belia di tanahair kita ini. Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu yang akhir sekali, selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

4.36 ptg.

Tuan Valentine Cotter (Bau-Lundu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan penubuhan sebuah bank baharu yang akan ditubuhkan dalam negara kita ini. Saya setuju dengan cadangan Kerajaan mengadakan sebuah bank yang baru itu.

Di sini saya suka mengesyorkan beberapa syarat untuk pertimbangan Kerajaan supaya bank yang baharu itu boleh menolong rakyat Malaysia yang susah dan miskin. Saya katakan begitu sebab dalam negara

kita ini sekarang sudah ada beberapa buah bank, tetapi malangnya bank-bank itu pada pendapat saya tidak memberi kesenangan atau pertolongan kepada rakyat jelata yang miskin yang baharu mendapat bantuan daripadanya. Kebanyakan bank-bank itu bukan sahaja kira keuntungan dirinya bahkan perlu dapat jaminan atau security daripada orang yang menggunakan pinjaman daripada bank-bank itu. Inilah merupakan satu masalaah yang besar. Kita sedar kebanyakan orang yang memerlukan kegunaan wang pinjaman dari bank ialah orang yang tidak berada dan bagaimana mereka dapat memberikan security yang dikehendaki oleh bank-bank itu.

Tuan Yang di-Pertua, bank-bank yang ada sekarang namanya sangat baik, misalnya, Bank Bumiputra. Apabila rakyat bumiputra dengar nama Bank Bumiputra itu bukan main senang hati, tetapi apabila bumiputra hendak minta pinjam wang dengan bank itu sangat susah. Apa yang dikatakan oleh rakan-rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan Ahli Yang Berhormat dari Besut pada petang Jumaat yang lalu betul. Begitu juga pendapat orang di Sarawak, khasnya bumiputra yang tinggal di luar bandar. Oleh sebab itu, di sini sekali lagi saya ulangi bahawa bank yang baharu ini nanti hendaklah diutamakan sekali berguna kepada semua rakyat Malaysia yang susah dan miskin meminjam wang. Sekiranya tujuan bank itu benar-benar hendak berjaya syarat atau cara memberi pinjaman dan tugas-tugasnya mesti diubah supaya lebih mudah dan luas daripada yang biasa.

Jikalau bank yang dicadangkan itu dapat menolong dan menyenangkan rakyat seperti yang saya jelaskan, saya memang menyokong dengan sepenuh-penuhnya dan saya harap bank itu diadakan di tiap-tiap negeri dalam Malaysia ini dan bukan sahaja di bandar-bandar besar bahkan juga di luar-luar bandar.

Akhirnya, ada satu perkara yang agak penting juga iaitu berkenaan dengan bunga (interests) wang yang hendak dibayar oleh si peminjam sepatutnya jangan terlalu tinggi sangat, sehingga 12% setahun seperti yang dipunggut oleh Bank Bumiputra sekarang. Dengan bunga yang rendah baharulah rakyat dapat pertolongan dari bank yang dicadangkan oleh Kerajaan di Dewan yang mulia ini.

4.42 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian ketika membincangkan usul yang sedang ditimbang ini.

Saya rasa inilah satu usul yang telah mendapat perhatian yang sebegitu besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya percaya ini adalah menunjukkan bagaimana beratnya perhatian yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam hal memajukan bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Walaupun demikian, saya fikir ada terdapat kekeliruan sedikit mengenai peranan Bank Bumiputra sebagai bank perdagangan dan Bank Pembangunan Malaysia.

Bank Bumiputra telah ditubuhkan sebagai sebuah bank perdagangan di bawah Akta Bank dan sekarang bank ini dikehendaki meluaskan kegiatannya untuk menggalakkan peranan bumiputra di dalam bidang perniagaan dan perindustrian. Aktiviti-aktiviti sebuah Bank Pembangunan adalah agak berbeza daripada aktiviti-aktiviti sebuah bank perdagangan sebagaimana yang ditetapkan di bawah undang-undang. Dengan sebab itulah maka Bank Pembangunan Malaysia telah ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya seperti mengadakan pinjaman-pinjaman jangka panjang, pinjaman jangka sederhana, equity participation dan kemajuan projek-projek dengan seluas-luasnya yang mana tidak boleh dijalankan oleh Bank Bumiputra sebagai sebuah bank perdagangan.

Mengenai masalaah pinjaman modal sebanyak \$15,000,000 yang mana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa jumlah ini adalah sedikit dan kenapa tidak ditambah lagi atau tidak diberi dengan lebih lagi, di sini suka saya menegaskan bahawa pelaburan \$15,000,000 ini adalah kemudahan awal yang diberikan oleh Kerajaan untuk membolehkan Bank Pembangunan memulakan perniagaannya. Sekiranya bank tersebut berkehendakkan modal tambahan untuk meluas dan memajukan lagi aktiviti-aktivitinya ini akan dipertimbangkan bila tiba masanya dan peruntukan selanjutnya akan disediakan bila diperlukan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan di sini bahawa Kerajaan memberi perhatian yang berat di atas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru bagi membolehkan lebih ramai bumiputra berkecimpung dengan lebih berkesan dan berjaya di dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Usaha-usaha dan kemudahan-kemudahan yang banyak telah disediakan oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat ini. Akan tetapi, masalah menentukan penyertaan bumiputra yang lebih luas lagi berkesan di dalam bidang perdagangan dan perindustrian ini bukanlah menjadi tanggungjawab semata-mata kepada Kerajaan bahkan setiap orang, terutama mereka di kalangan swasta perlu memberikan kerjasama mereka untuk menjayakannya. Dan di dalam hal ini peranan bank-bank perdagangan, baik bank-bank asing mahupun bank-bank tempatan adalah penting.

Pada masa-masa yang lalu salah satu perkara yang telah menyekat penyertaan dan kemajuan bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian ialah masalah modal. Pada hari ini dengan adanya usaha dan galakan-galakan yang diberikan oleh Kerajaan maka kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan modal bagi bumiputra berkecimpung dengan lebih luas lagi berkesan di dalam bidang perdagangan dan perindustrian ini telah dapat diadakan.

Suka saya menyatakan di sini bahawa bank-bank perdagangan telah mulai sedar tentang tanggungjawab mereka yang besar untuk memajukan bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Sikap dan layanan-layanan yang tidak wajar yang telah dibuat oleh bank-bank terhadap bumiputra pada masa-masa yang lalu pada hari ini nampaknya telahpun berubah. Saya menyambut baik di atas kejujuran dan perasaan tanggungjawab yang telah mereka tunjukkan itu untuk membantu bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian ini walaupun saya merasa bahawa layanan itu belum lagi mendatangkan kepuasan kepada keseluruhan daripada bumiputra.

Saya percaya perbaikan-perbaikan masih lagi boleh dibuat oleh bank-bank perdagangan di dalam hal ini dan saya percaya bank-bank perdagangan akan terus memberikan kerjasama dan menyediakan kemudahan-kemudahan modal yang se-

cukupnya bagi bumiputra untuk berjaya di dalam lapangan perniagaan dan perdagangan. Salah satu perkara yang telah dibuat oleh bank-bank perdagangan untuk menyempurnakan tanggungjawabnya bagi membantu bumiputra di dalam lapangan ini ialah dengan menubuhkan yunit-yunit khas untuk menguruskan kemudahan-kemudahan kredit kepada bumiputra termasuk memberi nasihat dan rundingan yang wajar. Yunit-yunit khas ini biasanya diuruskan oleh pegawai-pegawai bumiputra dan tugasnya ialah untuk mencari projek-projek bumiputra yang boleh dimajukan dan boleh diberi pinjaman dan di samping itu mewujudkan satu hubungan yang berterusan dengan pengusaha-pengusaha bumiputra.

Setakat ini sebanyak 32 buah bank-bank perdagangan daripada jumlah 35 buah bank telah menubuhkan yunit-yunit khasnya dan telahpun menjalankan urusan untuk membantu bumiputra. Saya harap bank-bank yang lain yang belum lagi menubuhkan yunit khas ini akan dapat menubuhkan yunit-yunit mereka dan akan dapat bersamasama dengan bank-bank yang lain untuk menyempurnakan tanggungjawab ini.

Walaupun bank-bank perdagangan telah dapat menunjukkan kerjasama yang baik di dalam membantu bumiputra, tetapi adalah diakui bahawa jumlah pinjaman yang telah diberi kepada bumiputra setakat ini masih lagi kecil jika dibandingkan dengan jumlah pinjaman dan pendahuluan-pendahuluan yang telah diberi oleh bank-bank perdagangan pada keseluruhannya.

Pada akhir 1970 jumlah pinjaman yang telah diberi kepada bumiputra oleh bank-bank perdagangan ialah sebanyak \$39.9 juta. Pada akhir 1973 jumlah ini telah bertambah kepada \$308.3 juta atau 7.1% daripada jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan pada keseluruhannya dan termasuk juga pinjaman-pinjaman yang telah diberi melalui Syarikat Jaminan Credit dan ini kalau dibandingkan pula dengan jumlah pinjaman yang telah diberi kepada bukan bumiputra adalah sangat besar. Banyak di mana setakat tahun 1973 jumlah pinjaman yang telah diberi kepada bukan bumiputra ialah sebanyak \$4,018 juta. Di sini nampaklah bahawa keadaan ini belum lagi memuaskan dan adalah wajar bagi bank-bank perdagangan untuk memperbaiki keadaan yang ada ini dengan menyediakan kemudahan-kemudahan

lebih besar dan lebih mudah lagi kepada bumiputra sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru yang sedang berjalan sekarang ini. Saya harap bank-bank ini akan mengambil tindakan-tindakan yang seperlunya untuk memperbaiki keadaan yang ada ini.

Selain daripada menubuhkan yunit-yunit khas ini, beberapa buah bank telahpun mengadakan rancangan-rancangan khas untuk membantu bumiputra di luar bandar. Rancangan-rancangan ini telah berjaya memberi pinjaman kepada peladang-peladang, nelayan-nelayan dan pekedai-pekedai untuk kegiatan mereka. Yunit bergerak yang pergi keluar bandar untuk mencari projek yang boleh maju dan diberi pinjaman juga diadakan oleh beberapa buah bank. Saya mengharapkan jumlah yunit-yunit bergerak ini untuk membawa kemudahan-kemudahan pinjaman lebih hampir atau lebih dekat lagi kepada penduduk-penduduk di luar bandar akan dapat diperluaskan oleh bank-bank tersebut pada masa-masa ke hadapan ini. Saya harapkan juga kepada bank-bank yang lain akan juga mengambil tindakan bagi mengadakan yunit-yunit bergerak ini dan membantu lebih ramai lagi rakyat kita di luar bandar yang memerlukan pinjaman daripada bank-bank untuk memajukan lagi usaha-usaha yang mereka jalankan. Sambil itu dalam masa 10 tahun yang lalu sebanyak 124 buah cawangan-cawangan bank telah dibuka bagi meluaskan perkhidmatan bank di seluruh negara terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Selain daripada kemudahan-kemudahan yang saya sebutkan tadi, kaum bumiputra telah juga mendapat faedah yang lebih dengan tertubuhnya Syarikat Jaminan Credit (Credit Guarantee Corporation).

Di bawah rancangan jaminan credit ini pinjaman dan pendahuluan sehingga \$100,000 diberikan oleh bank-bank perdagangan untuk kegiatan-kegiatan ekonomi yang maju dan productive dan jaminan adalah diberi oleh syarikat ini. Bagi pinjaman yang kurang daripada \$30,000 jaminan diberi sepenuhnya oleh Syarikat Jaminan Credit ini. Dengan itu, masalaah peniaga-peniaga kecil terpaksa mengadakan security atau penjamin ataupun masalaah tanah-tanah rizab Melayu yang tidak dapat dinilai tinggi sebagai jaminan untuk pinjaman daripada bank-bank melalui Syarikat Jaminan Credit ini bagaimana yang ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat adalah

tidak wujud sebenarnya. Bagi pinjaman sebanyak \$100,000 syarikat ini memberi pinjaman setakat 60% daripada pinjaman itu dan masalaah samada pinjaman yang melebihi \$30,000 ini memerlukan security atau tidak, masalaahnya jika projek yang hendak dijalankan bagi pinjaman itu adalah cukup viable maka security ini tidak diperlukan. Tetapi kalau sekiranya dirasakan bahawa projek yang hendak dijalankan itu tidak begitu viable maka kadang-kala security ini dikehendaki oleh yang hendak memberi pinjaman itu.

Tuan Yang di-Pertua, setakat 31hb Mac, 1974 ini Syarikat Pinjaman Credit (Credit Guarantee Corporation) telah mengeluarkan pinjaman kepada 4,488 orang peminjam dengan jumlah pinjaman sebanyak \$42,120,390. Dari jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan itu sebanyak 2,812 orang atau 63% yang telah diberi pinjaman ialah bumiputra dan jumlah pinjaman yang diberi kepada bumiputra ialah sebanyak \$15,440,210 atau 37% daripada jumlah pinjaman pada keseluruhannya. 1,479 atau 33% peminjam dengan jumlah \$24,063,880 atau 57% daripada jumlah pinjaman telah diberi kepada orang-orang China. 131 pinjaman atau 3% dengan jumlah sebanyak \$975,600 atau 2% daripada jumlah pinjaman telah diberikan kepada orang-orang India. Sebanyak 66 peminjam atau 1% dengan jumlah \$1,640,700 atau 4% dari jumlah pinjaman telah diberikan kepada mereka daripada keturunan yang lain.

Di dalam hal ini, nyatalah semua peniaga-peniaga kecil daripada semua kaum telah mendapat peluang untuk pinjaman bagi menjalankan perniagaan mereka dan kalau pun ada Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama daripada pihak Pembangkang yang mengatakan bahawa orang-orang bukan Melayu tidak mendapat layanan dari segi pinjaman bank ini, maka perkara ini adalah benar. Hanya suka saya menyebutkan di sini dari segi kaum bumiputra sendiri, setakat ini didapati bahawa puklura pinjaman yang diminta oleh peniaga bumiputra ialah antara \$5,000 dengan \$6,000 pinjaman sahaja, sedangkan mereka yang lain meminta pinjaman yang lebih daripada itu pukl rata adalah lebih daripada yang diminta oleh kaum-kaum bumiputra sendiri. Walaupun saya sebutkan tadi daripada jumlah peminjam-peminjamnya Melayu adalah 63%, tetapi kalau dilihat dari segi

jumlah wang yang diberi untuk pinjaman kepada bumiputra ialah setakat 37% sahaja kerana jumlah yang mereka minta untuk pinjaman adalah kecil. Walau bagaimanapun saya harap kepada bumiputra yang hendak memperolehi kemudahan modal untuk bergiat di dalam lapangan perniagaan ini supaya dapat menggunakan kemudahan-kemudahan modal yang ada pada C.G.C. (Credit Guarantee Corporation) ini dengan lebih baik lagi.

Saya suka nyatakan di sini baru-baru ini bank-bank perdagangan telah diarahkan untuk menambahkan pinjaman di bawah sekim pinjaman kredit kepada lebih kurang \$60 juta, iaitu 5% daripada deposit simpanan atau Savings Deposits di bank-bank dan jumlah ini dijangka akan dapat dicapai pada akhir bulan Jun, 1974 ini. Dan selepas itu akan ada lebih banyak lagi peluang untuk mendapat pinjaman daripada C.G.C. dengan adanya tambahan deposit daripada 3% hingga 5% yang akan diberi oleh bank-bank itu.

Dan satu perkara lagi yang saya suka sebutkan di sini walaupun bagi pinjaman-pinjaman biasa daripada bank kadar faedahnya lebih dinaikkan lagi 1% tetapi bagi pinjaman melalui C.G.C. itu akan tetap 9%. Jadi kadar faedah bagi pinjaman C.G.C. akan rendah $1\frac{1}{2}$ daripada kadar yang dikenakan bagi pinjaman-pinjaman biasa di dalam bank-bank perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyebut perkara credit squeeze, dan suka saya menyatakan di sini bahawa langkah Kerajaan yang terbaru dalam bidang kewangan tidaklah wajar disifatkan sebagai suatu credit squeeze. Sebagaimana yang diketahui Kerajaan akan membenarkan tambahan pinjaman bagi tahun 1974 sebanyak 20% atau lebih daripada pinjaman yang telah dikeluarkan atau out-standing pada hujung tahun 1973. Ini bermakna bahawa tambahan pinjaman bagi tahun 1974 adalah sebanyak \$1,000 juta dan bagi maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka memberi sedikit perbandingan mengenai dengan tambahan pinjaman yang telah dibuat pada tahun 1972 dan tahun 1973.

Tahun 1973 tambahan yang disediakan \$1,687.8 juta.

Tahun 1972 tambahan yang disediakan \$512.7 juta.

Dari perbandingan ini jelaslah bahawa tambahan yang dibenarkan pada tahun 1974 adalah besar dan dengan sebab itu langkah yang diambil oleh Kerajaan tidaklah boleh disifatkan sebagai suatu credit squeeze. Ini adalah satu langkah untuk mencegah inflasi dan mencegah pinjaman-pinjaman yang bersifat spekulatif dan tidak akan menambah kemajuan perniagaan dan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga menyebut masalah perbuatan-perbuatan atau tindakan-tindakan yang tidak diinginkan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai di dalam bank-bank perdagangan. Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat bahawa Bank Negara pada setiap masa mengadakan pemeriksaan ke atas perjalanan bank-bank perdagangan dan sekiranya didapati ada perkara-perkara yang tidak diinginkan atau tidak sihat berlaku maka tindakan sewajarnya akan diambil oleh Bank Negara Malaysia mengikut peraturan-peraturan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, usul bagi memberi pinjaman kredit sebanyak \$15 ribu juta ini dan penubuhan Bank Pembangunan Malaysia ini serta kemudahan-kemudahan pinjaman yang disediakan oleh bank-bank perdagangan ialah untuk memajukan lagi bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Akan tetapi suka saya menyebutkan di sini bahawa kaum bumiputra janganlah hendaknya semata-mata menjalankan urusan perniagaan yang kecil, bahkan mereka mestilah membuka atau mencuba memasuki perniagaan yang lebih besar dan lebih luas lagi bidang aktiviti kerana melalui bidang-bidang perniagaan yang lebih besar dan lebih luas itulah maka mereka akan mencapai kemajuan dan kejayaan yang lebih di dalam bidang perniagaan. Apatah lagi kemudahan untuk mereka itu menceburkan diri di dalam bidang perniagaan yang lebih luas dan lebih besar memang ada disediakan. Sambil itu mereka perlulah meluaskan pengetahuan mereka di dalam cara-cara dan teknik-teknik perniagaan dan perindustrian dan lebih penting lagi mereka hendaklah berusaha dengan bersungguh-sungguh, bukanlah seperti cara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut kalau orang Melayu hendak berniaga mestilah berniaga secara merompak. Ini bukanlah satu teknik kerana

kalau hendak berniaga berdasarkan kepada cara merompak, merompak itu adalah suatu helah dan bukan sebagai satu usaha yang baik dan kita tak mahu lah orang Melayu merompak sebagaimana cara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut. Tetapi saya mempunyai keyakinan dengan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan pada hari ini dan dengan adanya kesedaran yang tinggi daripada bumiputra sendiri untuk mengambil bahagian di dalam perdagangan dan perindustrian itu dan dengan adanya peningkatan pelajaran dan pembetulan mutu pelajaran di dalam semua bidang yang telah dicapai oleh anak-anak bumiputra pada hari ini, memberi harapan kepada kita bahawa kaum bumiputra akan mencapai kejayaan di dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Dan hal ini akan memberi sumbangan ke arah pencapaian sekurang-kurangnya 30% penyertaan bumiputra di dalam perdagangan dan perindustrian pada tahun 1990 yang terdapat di dalam Dasar Ekonomi Baru itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah layanan yang tidak memuaskan yang telah diberikan oleh bank-bank kepada mereka yang hendak meminjam itu. Suka saya sebutkan di sini bahawa segala kemusykilan-kemusykilan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu diberi perhatian yang serius oleh Kementerian Kewangan dan tindakan akan kita ambil melalui Bank Negara mengikut peraturan-peraturan yang ada.

Sambil itu suka saya menyatakan di sini bahawa Kementerian Kewangan telah meminta Bank Negara menyediakan laporan bulanan mengenai kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh bank-bank perdagangan di dalam menyempurnakan tugasnya membantu bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Di dalam laporan itu kita juga meminta penerangan-penerangan dari segi struktur pekerja di bank-bank tersebut dan penyertaan bumiputra di dalam modal saham bank-bank dan hasil daripada laporan yang diterima, Kementerian Kewangan melalui Bank Negara akan mengambil tindakan-tindakan yang tertentu lagi berkesan untuk mengatasi dan memperbaiki lagi keadaan yang ada pada hari ini.

Saya suka mengingatkan kepada bank-bank bahawa mereka mempunyai obligation dan juga peranan untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ini dan mereka hendaklah menyempurnakan obligation dan peranan ini dengan bersungguh-sungguh lagi penuh kejujuran.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang hendak saya sebutkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa sewajar dengan Seksyen 8 (3) (a) (iv) Akta Peraturan Kewangan 1957, Kerajaan boleh membuat pelaburan sejumlah tidak lebih daripada lima belas juta ringgit sebagai kredit ataupun dilabur sebagai pinjaman kepada Bank Pembangunan Malaysia atas syarat-syarat tertentu dan tertakluk kepada syarat-syarat yang diperseetujui di antara Menteri Kewangan dan Bank yang tersebut.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28), 1973

5.11 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan: Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 24 tahun 1974 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk mengenakan cukai eksport sebanyak 5% ke atas semua jenis kayu balak melainkan jenis Ramin di Sarawak mulai daripada 1hb Januari, 1974. Cukai ini dikenakan atas permintaan Kerajaan Negeri Sarawak dengan bertujuan untuk menggalakkan perusahaan memproses kayu balak di negeri itu. Hasil daripada cukai itu diserahkan kepada Kerajaan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan di dalam peraturan Perlembagaan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.14 ptg.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya usul ini dan di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I think this proposal to encourage the establishment of local industries based on our local timber is an excellent one. It is overdue and, in fact, ought to have been done earlier.

Sir, I am a bit concerned with the rapidity with which our timber resources are being extracted all over the country, and may I urge the Government to exercise a high degree of care to ensure that this country does not become completely denuded of its rich natural timber resources. Now, this state of affairs has happened in other countries before and we must make sure that it does not happen here, what with all the land schemes which are being opened up for the purpose of not only timber extraction, but also for the other laudable purposes of planting oil palm, rubber, pepper, coffee, and so on. We must make sure that our timber resources are maintained, so that future generations of Malaysians will live to enjoy our natural physical heritage.

I would urge the Government to allow more factories to produce not only plywood, but also to encourage the establishment of factories to produce laminated timber beams for structural purposes. Sir, I know for a fact that there is often a shortage of plywood not only here locally, but in our neighbouring country, Singapore, which requires a considerable amount of plywood for its urban renewal and building projects there, and that is a profitable market for the export of our plywood.

Now, as far as the laminated timber beams are concerned, with the present local and international shortage of cement and steel for building purposes, structural timber made from the laminations of timber pieces glued together under pressure should be fully exploited, and this is a structural technique which is available, the technology is available, and it is being done all over the world—in America, in Europe, in Australia and

elsewhere—and it is a matter of some surprise that in this country we have not embarked upon an intensive programme of establishing laminated structural timber industries. Coupled with the establishment of such industries, building regulations ought to be amended to permit the usage of such laminated structural timber for building construction purposes—not only in house construction but also in factory construction and other purposes.

Now, touching on the need to put the timber industries on a firm footing, as I said earlier, it is necessary that our building regulations ought to be amended. Right now, Sir, for instance, it is not possible for the local authorities, whether they be the P.K.N.S. or the Kuala Lumpur Datuk Bandar's Office, the City Council of Penang or elsewhere, to allow timber construction in the urban areas because it is considered to be a fire hazard. Sir, this is terribly old-fashioned and an altogether outmoded piece of regulation, because it is possible today to make timber fire-proof; the concern is that timber is highly inflammable, but we can make it fire-proof and this is an already established fact. Timber as a building material is being very widely used in all the advanced developed countries of the world. In fact, Sir, where the building industry is concerned, architects have found that the use of timber is an attractive medium of construction, because being a warmer material, it creates a more homely feeling and lends itself to a wide degree of architectural design. Being a big timber producer and also being an under-developed country in the process of development, it is all the more reason that we should encourage the usage of timber and timber products in our houses and, generally, in the building industry throughout Malaysia. If we do it this way, we will help not only to reduce the pressure on the need for more cement and more steel, which are in acute shortage all over the world, but it will also make it easier not only for all the kampung folks but for all the rural folks who are already so familiar with the usage of timber for the purposes of house construction; and that is one of the more delightful aspects of our local heritage, that once we get outside the city areas we can see all these timber houses built in the kampungs, in the rural areas and, to the tourists, it is

an attractive sight. Architecturally speaking, Sir, it is something which ought to be encouraged. So I, therefore, speak very strongly in support of this encouragement to set up more local industries based on the usage of timber.

5.21 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuhnya di atas usul ini. Saya menyokong oleh kerana ini adalah menggalakkan industri-industri dengan adanya sekatan 5% dikenakan cukai, maka akan menggalakkan orang-orang di Sarawak atau di Semenanjung ini menubuhkan kilang-kilang papan. Kilang-kilang papan di Sarawak, sungguhpun hutan cukup banyak di sana, tetapi sayang sekali semuanya kayu-kayu itu boleh dikatakan 90% daripadanya dihantar ke luar negeri. Dengan sebab itu, pekerjaan kepada orang-orang tempatan tidak ada berkenaan dengan hal ini. Dengan adanya cukai 5% ini, maka saya percaya orang-orang yang ada mempunyai modal, bukan sahaja akan membuat papan, tetapi pada masa akan datang akan mengadakan kilang-kilang supaya membuat knock-down furniture untuk diekspot ke luar negeri.

Di sini saya suka juga menyatakan kepada Dewan ini bahawa Negeri Sarawak kaya dengan kayu. Jikalau kita menaiki kapal terbang daripada Kuala Lumpur sampai ke Kuching dan daripada Kuching sampai ke Kota Kinabalu hinggalah ke sempadan Sabah, kita akan nampak hutan sahaja. Tetapi hutan-hutan yang dipunyai oleh bumiputra di Sarawak, tidak dapat mengecap kekayaan ini. Malang sekali bumiputra di sana. Saya juga bumiputra, sungguhpun Sarawak dan Semenanjung Malaysia ini adalah satu, maka apa yang saya cakapkan ini ialah berkenaan dengan bumiputra di Sarawak. Sayang sekali oleh kerana kayu yang diekspotkan daripada Sarawak cukup banyak. Siapakah yang mengeksportkan kayu balak? Siapakah yang mendapat keuntungannya? Orang kita duduk di long-house. Dengan sebab itu, saya menyesal sekali. Boleh dikatakan salah penjajah dan ini mesti diperbaiki oleh Kerajaan kita. Oleh kerana penjajah dahulu sebelum mereka keluar daripada negeri kita, mereka telah beri tanah-tanah ini kepada orang-orang lain. Saya dapat tahu di sekeliling rumah panjang ini pun hutannya

bukan dapat ditebang oleh bumiputra. Kekayaan ini yang dipandang tiap-tiap hari. Yang diberi oleh Tuhan kepada bumiputra di sana tidak dapat mengkayakan orang kita. Dengan sebab itu, pada masa akan datang saya harap Kerajaan samada Kerajaan Sarawak ataupun Kerajaan Persekutuan menjaga hak-hak bumiputra di dalam Tanah Rizab Bumiputra oleh kerana kayu-kayan itu di atas tanah yang dipunyai oleh bumiputra, maka sebatangpun tidak boleh ditebang melainkan bumiputra ada participation di dalam syarikat-syarikat kayu. Dan juga diharap pada hari akan datang jikalau kilang-kilang hendak dibina, oleh kerana menggalakkan kilang-kilang dibina di Sarawak, maka hendaklah sebagaimana dasar Kerajaan pada hari ini menggalakkan bumiputra sekurang-kurangnya 30% mengambil saham ini dengan cara macam mana sekalipun, dengan apa jalan sekalipun mesilah 30% sekurang-kurangnya bumiputra masuk dalam lapangan ini. Kalau tidak, bumiputra akan memandang sahaja kemajuan-kemajuan yang akan dicapai di Sarawak nanti.

Sungguhpun Sarawak kaya dengan kayu-kayannya, tetapi harga papan cukup mahal di Sarawak. Kalau saya khilap, barangkali ada wakil-wakil dari Sarawak akan membetulkan apa yang saya katakan. Di Sarawak harga papan adalah lebih mahal lagi daripada yang dapati di Semenanjung Malaysia, sebabnya kilang papan tidak ada di Sarawak, di Semenanjung Tanah Melayu ada banyak kilang-kilang papan. Dengan sebab banyaknya kilang papan, maka warganegara dapat membeli papan dengan harga yang lebih murah lagi daripada di Sarawak. Saya harap kepada Kerajaan supaya Rizab Orang Asli, Rizab Bumiputra mistilah dipertahankan supaya jangan diberi kepada sesiapa supaya pada masa akan datang jikalau bumiputra tidak ada modal, bukan pada hari ini, tetapi 10 tahun yang akan datang mereka ada modal dan mereka akan membuka atau menebang kayu. Kalau sudah diberi kepada orang lain, maka tentu sekali bumiputra tidak akan mengecap apa-apa kemakmuran sekalipun.

Saya sekali lagi menyokong usul yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

5.28 *ptg.*

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sambil menyokong usul ini, hanya ingin menyatakan sedikit sahaja usul ini. Kalau diperhatikan kepada yang ditunjukkan kepada Akta Kastam ini mengenai dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28), 1973 yang ada di hadapan kita ini yang menjadi Kertas ST. 24, saya dapati di Semenanjung Malaysia kita ini dikenakan sebanyak 15% kepada semua jenis. Apakala sampai kepada Sarawak seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri ialah 5%. Dari kenyataan yang ada kepada kita sekarang ini di Semenanjung Malaysia kita kenakan sebanyak 15% dan kilang-kilang pun sudah banyak, harga kayu pun masih mahal kerana pengilang-pengilang masih lagi membawa kayunya ke luar negeri dan menyebabkan timbulnya inflasi atas kenaikan harga kayu dalam negeri sendiri di dalam negeri yang banyak dengan kayu-kayan. Kalau kita perhati kepada Sarawak sebagai sebuah negeri yang lebih banyak kayu, kalau hendak dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia kita kenakan kepada Sarawak sebanyak 5% sahaja dengan tujuannya ialah untuk menyekatkan ataupun untuk menggalakkan bumiputra di sana mengadakan kilang bagi membolehkan harga kayu di sana tidak begitu melambung tinggi dan keluar ke negeri dengan keadaan yang banyak. Itulah yang saya faham dari apa yang diberi penerangan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan waktu mengemukakan usul ini dan dari apa yang saya dapat faham di atas Kertas Undang-undang No. 24 yang ada ini. Kalau begini keadaannya, saya berpendapat kalau dengan 15% yang kita sudah kenakan kepada Malaysia Barat sekarang ini kita tidak terdaya hendak mengawalinya, maka dengan adanya 5% sahaja kepada Sarawak saya rasa harapan Kerajaan pun tidak akan sampai dan sudah tentu kayu-kayu balak daripada Sarawak tidak dapat kita menyekat keluar lebih banyak ataupun samada dengan apa yang ada sekarang ini mengalir keluar dan rakyat Sarawak juga akan menerima akibat sama seperti rakyat Malaysia yang kita hadapi sekarang ini.

Sebenarnya, kita mahu melihat harga kayu ini mahal dan tinggi harganya kerana ini merupakan punca pendapatan kepada rakyat negeri ini. Tetapi janganlah pula rakyat

negeri ini menerima suatu beban yang berat sehingga terpaksa hendak membelanjakan wang yang banyak untuk mendirikan bangunan-bangunan di dalam negara kita sendiri ataupun ramai daripada pemborong-pemborong tidak dapat kayu dengan sebab ahli-ahli perniagaan ini lebih suka membawa keluar negeri. Jadi dengan sebab itu, saya meminta kepada Kerajaan kalau pada kali ini sebagai percubaan dengan meletakkan 5% sahaja kepada Negeri Sarawak daripada asal mulanya tidak ada, sebab di mana katanya dahulu nil—tidak ada langsung, sekarang daripada perkataan nil ditukarkan kepada 5% maka saya berpendapat ini adalah merupakan sebagai percubaan dahulu. Saya berharap pada masa akan datang Kerajaan akan mengkaji kalau 15% yang ada pada Malaysia kita tidak dapat mengawal pengaliran kayu balak, maka saya harap Kerajaan akan mengkaji supaya cukainya ataupun duti kastam ini ditambahkan lagi cara beransur-ansur setelah kita cubakan dengan 5%. Saya percaya sahabat-sahabat saya daripada Pembangkang dari Negeri Sarawak demi kepentingan rakyat Sarawak, bersetuju dengan apa yang saya cakapkan ini kerana ini adalah benar-benar mengenai dengan orang Sarawak, kecuali kalau Ahli Pembangkang daripada Sarawak itu terdiri daripada ahli jutawan perniagaan yang besar maka tentulah dia tidak bersetuju dengan perkataan 5% ini. Saya menungguilah Ketua Pembangkang yang cara kebetulan dia expert dalam perniagaan ini bercakap dalam Dewan ini mengenai dengan perkara ini.

5.33 *ptg.*

Tuan R.C.M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) Sir, while approving the Motion sponsored by the Honourable Deputy Minister of Finance, I would urge the Government to take a little more care in giving licences to fell timber and clear the forests of all trees without taking adequate protection to see that new trees are not planted in the meantime. If proper attention is not paid, the present inflated prices of houses will rocket further and this will give a chance to the "DAP Rocket" to cash in.

Government should also take care to see that paper factories are opened up in Malaysia without allowing the pulp to be exported wholesale to foreign countries and importing the same pulp in a different form in the way of paper. Today even the price of newspapers

has gone up, and the poor man is unable to read and know for himself what is going on in this world. A newspaper which fetched 10 cents previously has gone up to 20 cents and the *Straits Times*, the Chinese newspapers and the Malay newspapers all have shot up proportionately, and it is causing a strain on the ordinary man and this has caused further inflation.

The school exercise books originally cost 10 cents each and these exercise books, which had 20 pages, 40 pages or 80 pages, are now reduced to 10 and 15 pages; and even then students are finding it difficult to buy them. Even the price of pencils which was originally 5 cents or 10 cents each has gone up to 20 cents. All these should be taken into consideration and proper attention should be paid before we allow the timber to be felled and exported to overseas in bulk.

5.35 p.m.

Datuk James Wong Kim Min (Miri-Subis): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, before I speak, I think I have to declare my interest in this matter as timber is one of my businesses and it is from that I make a living as my Honourable friend from Besut has pointed out today.

Mr Speaker, Sir, firstly, I want to make it quite clear that when I speak, I speak on behalf of myself as well as the timber industry as a whole in Sarawak: we support the Federal Government as well as the State Government's policy on the timber industry of going into the processing of our wood products. That is a matter which I think is fairly well-known; I have spoken on this in this House and I have also made this point very clear in the Council Negri that we support this policy.

Another point, Sir, which I would also like to make clear is that there are some points which I notice that my Honourable friend from Kuala Selangor and my Honourable friend from Besut seem not to have been aware of. In this particular case, Sir, I think it would probably be desirable that I should speak at some length to clear up some points and misconceptions which may have arise.

First and foremost, I would like to make it quite clear, Sir, that the forest of Sarawak is not the same as the forest in Sabah. They

are entirely two different kinds of forests. Although we have *Meranti* on both sides, I can assure you, Sir, that the forest in Sabah as a whole is not contiguous and the stands of *Meranti* and *Kapur* there are much bigger. On the average, I would say the forest stands in Sabah would be in the region of commercial timbers of about 20 tons per acre, but in the case of Sarawak, the average stands of timber is in the region of approximately 8 tons per acre. I can say this without any fear of correction because I think I know my facts in this particular instance. Now, those are the two points which I think Honourable Members should bear in mind, that when we speak of the forests in Sabah and Sarawak we must not lump them together.

At the same time, within Sarawak itself, Sir, there is a long coastline of about 300 miles and along this 300 miles the forests are different—for instance, the forest in Limbang is different from the forest in Lundu. The Lundu forest is of very, very poor quality and the timber is very bad there for the simple reason that the soil is bad. Therefore, Sir, it is wrong to say you have good forests in Sarawak and therefore all your forests are good. It varies from locality to locality. As a general rule, I would say, speaking of Sarawak, that the best *Meranti* forest in Sarawak, quite apart from the *Ramin* forest in Sarawak, is located in the Fourth Division, where they have the palm oil scheme now. It is for the reason that the soil is good that the palm oil scheme could be done in the Fourth Division and not in the other Divisions, because in the Fourth Division the timber is taken out from there and the soils are good and therefore they have gone in for palm oil scheme down there. So, for the same reason, they have not gone to Lundu for the palm oil scheme because of the rather sandy and pot-soil nature of the soils in Lundu.

If I may stray a little here, I am sometimes appalled that Honourable Members in this House are unaware of the conditions in Sarawak, not only of the timber industry there but generally of the other conditions. For instance, the big "Hoo-ha" we had recently about the Brunei claim on Limbang. I would, Sir, in this instance, make a plea to the Government and the Honourable Deputy Minister of Finance that possibly funds should be made available to enable Honourable Members of this House from West Malaysia to have a free trip to Sabah

and Sarawak every year allowing them to stay for a week in Sabah and for a week in Sarawak. After all, Sir, Honourable Members here, for instance, my friend from Besut and my friend from Kuala Selangor and other Honourable Members here, have to pass millions and millions of dollars of expenditure in this House and it is only right that before we do so we should know exactly what we are voting the money for. I would like to ask your indulgence, Sir, to make a plea to the Honourable Deputy Minister of Finance to please give this serious consideration so as to enable Honourable Members to travel to Sabah and Sarawak, so that they can see the conditions there. We are grateful, Sir, that the Government has allowed the Honourable Members here free first-class railway tickets to visit any part of Peninsular Malaysia, but unfortunately, as we all know, there have been so many derailments in the past that I am sure Honourable Members are rather frightened to travel by rail. But anyway, I am not making any gesture, I am really serious here and I hope, Sir, that the Honourable Deputy Finance Minister will take heed of what I have suggested just now.

Sir, coming back to the question of timber processing, I would like to make a plea here. I have spoken on this subject already in the debate on His Majesty the Yang di-Pertuan Agong's Speech, namely that I hope, Sir, that the State Government in asking for the 5% duty on timber, a portion of which would go to the State Government, and also in the State and Federal Government's policy of encouraging the processing of timber, the State Government should make it quite clear what is the State Government's policy on the question of encouraging this industry. As I pointed out earlier—and it bears repetition here in case some Honourable Members have not heard about this—the timber industry and the Sarawak Timber Association as a whole are very concerned and worried as to what is the State Government's policy. For instance, Sir, as I have pointed out in my speech, some forest licences expire in one year, some in two years, some in three years, some in four years, some in five years. Although in the case of some of these licences, the condition is that the licensees could renew the licences for a further period of ten years, nevertheless, Sir, there is no

guarantee that these licences would be renewed. As a result of that, people in the timber industry as a whole—the sawmillers, concessionaires and others—are rather frightened of putting up veneer plants and plywood mills for the simple reason that they do not know whether their licences would be renewed with the result that nothing can be done because, as you know, Sir, a plywood plant would take seven or eight years, or probably ten years, to have the capital paid back if the market is good; and if the licence is only good for another three or four years, well, they are placed in a dilemma so that they cannot go ahead with the processing unless the State Government approves the licence in advance. Since the State Government does not approve the licence in advance for the next ten or twelve years which they are entitled to, they could not go ahead with it. Therefore, I would like to make a plea here to the Federal Government and the Deputy Minister of Finance that he should look into this matter as well. It is not only that the State Government should ask for duty to be paid which I think the industry will be happy to, but rather the State Government should also come out with a clear-cut policy as to "Now look, if you want to put up a mill, put it up", and the State Government should say, "All right, you put up a plywood mill here, since your licence is ten years and we know that in ten years you will not get your money back, we will give you fifteen years, or we will give you twenty years if you have a big enough area to sustain the plywood mill, or an integrated timber industry". This is very essential, Sir, which the State Government has not done. I know one particular case, Sir, where a timber company has written to the State Government for permission to put up a complex, and I think they wrote in for about eight or nine months and in that period there was not even a reply from the Government to say whether they could go ahead or not.

Therefore, Sir, I would like to emphasise here that it is not enough to put 5% tax as an encouragement for the industry to go into manufacture, but the State Government must also come out with a clear-cut policy as to how this could be done.

The other point I would like to bring up, Sir, which I have mentioned already in my speech, but it bears repetition here, is that we

are aware that the State Government is very interested in implementing our national policy of restructuring society, namely, Bumiputra and native participation in the industry. But here again, Sir, what is the percentage of participation and how should this participation be brought about? For instance if I may bring up a case, there is a firm here whose licence, shall we say, is good for 20 years or concession is good for 20 years. They have finished, say, 10 years. Now, there is another 10 years more to go. Now, the State Government comes along and says, "We want native participation now". But the question is, how many percent—shall it be 20%, 30%, 40% or how many percent. What is the national policy on this? I think this should be worked out before it can be renewed because don't forget, this timber industry, as I said, they have got 10 years, and under the old licence conditions, they have the option of renewing for another period of 10 years. Therefore, if the State Government wishes, the State Economic Development Board wants to participate, to hold a certain percentage for Bumiputras, then this should be quite clearly stated, "We would like to buy 20% or 30%". If they say, "All right, if you agree, we will buy it and we will extend for another 15 years or so, or 10 years or so". Then we have a basis to work on without things being delayed.

The other point I would like to ask is this. When you buy into a particular company which is running, how do you buy in? Do you go in and say, "Now, look, your forest is one side, your machines are one side, then after 10 years, we will not renew your licence, unless you allow us to buy in more or less free-of-charge". Now this is an important point. This thing must be worked out. I maintain that when a company is there and the Government wants to buy into a company then the fairest way is to get an official valuer to come in. If you want 20%, or 30% for your native participation, then the best thing to do is for the Government to say or the S.E.D.C. or whatever the case may be, to say, "We would like to buy 30% into your company, say by next year or by 1980 or whatever the case may be. We will buy in, we have the option to buy in, and it will be based on the valuation". It may be more than what the par value of the shares are, or it may be less depending on whether the company is making money or not. In this particular instance, I think the fairest way is

to get an official valuer to value the company's worth before the Statutory body buys into the business. These are points, Sir, which have to be clarified. I can see now that the Government accuses the private sector, the timber industry, of not going into manufacture. On the other hand, they are hamstrung, they cannot go into manufacture because the Government has not come with a clear-cut policy of (a) on the question of renewal of licence and (b) on the question of participation.

I think these are the two points which I would like to bring forward and I hope the Deputy Finance Minister will please look into this because this is a very, very vital factor and the sooner that a dialogue could be maintained, could be carried out, by the State Government and the private sector which is represented by the Sarawak Timber Association, the sooner we can get down to something constructive in the interest of the nation. It is not enough to merely put 5% tax on because the tax alone is a deterrent or an encouragement depending on how you look at it, but it does not solve the problem if the industry as a whole is hamstrung because of no fixed policy by the State Government.

The other point, Sir, which I would like to bring up here is the question of the cost of sawn timber which has been brought up by two Honourable Members who have spoken before and by the Honourable Member for Kuala Selangor. Sir, the cost of timber in Sarawak is high and one of the reasons is that there is a poor market in Sarawak, unfortunately, for the second-grade and the off-grade timber there, unlike West Malaysia which has a big market here which can absorb the off-grades. Over there, for instance, take my case of Limbang. You have a big mill in Limbang, you start sawing a lot of timber a day and you end up probably being able to ship out—if you can get a ship, it is a problem getting a ship—if you can get a regular shipment to take off your stocks of sawn timber, if liners come in; sometimes no liners are available—shall we say you ship out 60% of the standard and better grades, then you are left with 40% of off-grades. What do you do with this, Sir? In some cases, you have got to give them away or burn them. Now this is the problem you will find in the small isolated towns in Sarawak: firstly, the problem of shipping; secondly, the question of

selling off the off-grades, and thirdly, Sir, which I must point out here again, in the timber industry in Sarawak, especially the hill timber industry in Sarawak, the timbers are getting further and further afield.

I would like to extend an invitation to my Honourable friends from Besut and Kuala Selangor and any other Honourable Members who care to come along; I would like them to come and visit us in Limbang and I should be glad if they could visit our forests in Limbang. Then they can see for themselves physically what it means when you say logging in Sarawak. It is quite different, Sir, from the logging you have in West Malaysia here. In West Malaysia here, you are lucky, Sir, that you have got an excellent road system, and an excellent railway system. But unfortunately in Sarawak, you have none. Everyone is in isolation and everything is so much more expensive—spare parts, machineries and the lot. Therefore, Sir, I would invite some Honourable Members here who are interested to come up and see for themselves; then they will appreciate the problems which are associated with logging there. For instance, over here, Sir, you have such equipment such as the *Sun Tai Wong*, the “jungle king”. Over here you can get a “jungle king” to go in a few short miles, haul up the logs and pick them up on the highway

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: What sort of creature is this—the *Sun Tai Wong* that you mentioned?

Datuk James Wong Kim Min: Well, *Sun Tai Wong*, Sir, is a Chinese word for a kind of logging truck.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Logging truck! I thought it was something that lived in the jungle. (*Ketawa*).

Datuk James Wong Kim Min: No, but anyway, the Honourable Deputy Minister knows what I am talking about. It is a logging truck with a special winch at the back, Sir, it goes in and lifts the logs up.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Thank you.

Datuk James Wong Kim Min: Well, anyway, this is the problem here, Sir. *Sun Tai Wong* is comparatively cheap and over

here it is being run very efficiently, but in Sarawak, because of the extremely hilly terrain we have down there it is not economical to operate it. I am just giving an instance.

The other point, Sir, which I would like to bring up here is that the Honourable Member referred to why don't we use more timber especially for our buildings and other purposes. In this respect, Sir, I just wonder why the P.W.D. does not use more of our local timber such as *Selangan Batu*, for instance, which is a first-class hardwood. We in Sarawak, Sir, find difficulty in disposing of *Selangan Batu* because we could not find a market for the sawn *Selangan Batu*. I have, in the past, brought this subject up in the Council Negri and I asked why the P.W.D. does not buy *Selangan Batu*. All that they said was, “Yes, we do use some *Selangan Batu* timber but we leave that to the contractors to buy it.” Now what has happened is where the contractors buy it, contractors being contractors, they only buy a certain amount when it is available. What would be desirable, Sir, is that the P.W.D., if they could agree on to use more *Selangan Batu* for certain sizes such as beams or some fixed sizes, then I would strongly recommend, Sir, that the P.W.D. buy this in bulk on tender once a year in Sarawak, say, a 3,000 tons tender or 4,000 tons tender and then the industry can then bid for it and supply this *Selangan Batu* to the Public Works Department for their building projects. But I do not see any reason why the P.W.D. cannot supply them to the contractors. I respectfully suggest that by doing this, the P.W.D. can then be assured of the genuine *Selangan Batu*, seasoned and matured *Selangan Batu*, instead of leaving it to the contractors whereby, of course, you may not get the genuine stuff. Therefore, Sir, speaking of timber uses, I do hope again that the Government will consider taking the lead, especially by the P.W.D., to use more of our local timbers in our building and other programmes.

Before I get off this subject, Sir, there is one point on which I would like a clarification from the Honourable Deputy Minister. I was told that the calculation of duty is not 5% but is closer to 6%. In fact there is a certain way of calculating this, I was told. I thought that when you said 5%, it means that if the f.o.b. price is \$100, the duty is \$5 as in the case of rubber. Unfortunately, this is not so.

It works out to something very near to 6%, nearer to 6% than to 5½%. I shall be happy to submit to the Deputy Minister—I haven't got the papers with me here—as to how the calculation is worked out, but possibly the Honourable Deputy Finance Minister would be able to enlighten this House as to why it is nearer to 6% than to 5%. Here it says 5%, and I hope that it would be 5% instead of 6%. That is all, Sir. Thank you very much.

5.52 ptg.

Dr A. Soorian (Port Dickson): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the relation of timber to the state of inflation in the country has to be commented on from several points of view. The price of furniture has gone up by over 150% of the former cost and even then, the furniture makers are quite reluctant to make what you order. The revenue from sawn timber for the first two months in 1973 increased by almost 150% from \$19.1 million during the same period the previous year to \$45.5 million. Although the export of timber has earned revenue for the country but into whose pockets is this revenue going? Most of the people in the country are earning \$100 per month and less, i.e. about 27%, and the sequel to the export of timber are manifold:

- (1) Hundreds of developers started to ruthlessly and systematically exploit house purchases. If we are to pay many times the price of the value of timber for our building projects, then everything would appear to be radically wrong with our economy.
- (2) Under the Constitution, Forestry is a State affair and all the revenue from the forests goes to the respective States. This has led to some States being a bit too liberal with the issuing of licences, so much so that the Forestry Department Director, Haji Ismail bin Haji Ali, has issued a warning on Malaysia's fast dwindling timber resources. Describing the unchecked felling of trees as a national crime, he said "Malaysia could face a very severe timber shortage in about 20 years time. This haphazard felling of trees has altered the landscape geophysics of our

terrain so much so that nowadays it takes only a slight shower to produce floods of magnitude." We have heard it being said in kampungs by poor Malay folks, for example, in Kampung Sungei Udang in Lubok China, Port Dickson, that while year in and year out, they send out petitions to the Government for water supply and electricity, the only water supply they get, and that too in excess and completely free, is the "air bah".

The shortage of timber has also hit National Electricity Board projects in Negri Sembilan. For instance in 1973, only 60% of the N.E.B.'s needed 10,000 wooden poles a year were supplied, and only one sawmill in Tampin make the required standard size poles of 25' and 30'. That means 60% of N.E.B. projects could only be completed in Negri Sembilan. This sawmill also supplies the requirements of N.E.B. in Kota Bharu, Trengganu and Selangor. Despite advertisements calling for tenders, the Acting Mentri Besar in Negri Sembilan, Datuk Tahar Talib said that no other mills had responded to the Board's request. Last year the sawmill was only able to supply less than 50% of the Board's request, the Acting Mentri Besar added.

Although the N.E.B. has the largest power station network in the whole of South East Asia, yet an ironical situation has been created whereby certain rural areas within striking distance of the power stations themselves are in darkness after sunset—a case of electrical poverty in the midst of plenty. One can see clearly, therefore, that the Government has virtually landed these poor rural people "up the pole". Nowhere else in the world but in Malaysia has it happened that electricity could not be supplied to kampungs, estates and new villages because of the shortage of timber wooden poles to convey the power because the tycoons prefer to export the timber.

Mr Speaker, Sir, if a democratic system of Government means doing the most good for the most number of people, then it is high time that the Government radically changed its capitalistic policy for, after all is said and done, charity begins at home.

6.03 ptg.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu (Santubong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Kastam, 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28), 1973. Izinkan saya menerangkan serba-sedikit mengenai dengan kayu-kayan yang ada di Negeri Sarawak. Kayu-kayan yang ada di Negeri Sarawak adalah bermacam-macam jenis, jenis yang elok sekali ialah jenis yang dinamakan kayu belian. Kayu Belian ini kebanyakannya di dalam Bahagian Pertama, di Kuching dan juga di dalam Bahagian Keempat yakni di Bintulu, seperti kayu urat mata, kayu ramin, dan kayu-kayu yang lain yang banyak di dalam Negeri Sarawak.

Satu ketika sewaktu saya bertugas di dalam Pejabat Kastam dahulu, saya telah mengetahui di dalam Pelabuhan Tanjung Mani adalah sebuah Pelabuhan yang besar, kapal-kapal yang besar yang beribu-ribu tan masuk ke Pelabuhan Tanjung Mani yakni Kuala Rejang. Beribu-ribu tan di dalam satu bulan kayu-kayan telah dihantar keluar negeri. Bukan sahaja di Tanjong Mani, bahkan juga di bahagian Keempat yakni di Bintulu yang mengeluarkan kayu-kayan ini adalah terdiri daripada mereka yang bukan bumiputra. Keuntungannya, faedahnya dan hasilnya adalah terpulang kepada mereka yang bukan bumiputra. Bagi pihak bumiputra, hanya masuk ke dalam hutan, menebang kayu di dalam hutan diberi gaji dengan sedikit sahaja. Beginilah nasib bumiputra di Negeri Sarawak, hutannya besar, hutan rezab sekarang masih belum terjejas lagi, tetapi malangnya. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu perkara polisi; memberi lesen orang membalak adalah Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab. Kalau boleh, Yang Berhormat bawakan soal masalaah kayu berkenaan dengan cukai ini.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu: saya rasa bagi pihak bumiputra berharap dengan adanya Perintah Kastam ini akan mendatangkan faedah kepada bumiputra yang akan datang kelak. Jadi saya pendekkan ucapan saya, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Selangor baru sebentar tadi.

6.06 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap dengan secara ringkas.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pendekkan ucapan, Timbalan Menteri akan mengulung ucapannya.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Di samping saya menyokong usul yang ada di hadapan kita ini, saya bertambah hairan dan terperanjat, manakala rakan sejawat saya daripada Besut dan Kuala Selangor telah menyentuh Ahli Yang Berhormat dari Miri—Subis, sampai Ahli Yang Berhormat dari Miri—Subis itu merayau-rayau ucapannya ke Limbang, membangkitkan masalaah Limbang lagi. Pada hal Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengatakan dengan tegas dan Ketua Menteri Sarawak telah mengatakan dengan tegas, tetapi Yang Berhormat itu masih risau, masih tidak puas hati di atas jawapan Kerajaan itu.

Datuk James Wong Kim Min: Tuan Yang di-Pertua. On a point of a clarification.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Saya tidak beri jalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak beri jalan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Oleh sebab dia tidak puas hati maka masalaah kayu inipun bercerita fasal Limbang. Beliau mengharapkan kepada Kerajaan menyuruh Ahli-ahli Yang Berhormat pergi ke kawasan Limbang di Sarawak dan Sabah. Saya salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat telah dihantar oleh Kerajaan, ke Sarawak dan saya telah pergi ke Limbang dan orang-orang Limbang suka duduk dalam Sarawak. Dan boleh jadi, Yang Berhormat ini bersimpati dengan surat yang telah diedarkan kepada kami, Ahli-ahli Mesyuarat dalam Dewan ini, menyuruh kami menyokong. Dalam surat ini, alasannya nipis; alasannya tidak sah, tidak mengikut undang-undang, dan alasan ini adalah alasan dongeng Kerajaan Brunei 500 tahun dahulu. Saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat itu bersimpati dengan wakil

daripada surat ini, Wakil Rakyat Limbang di Brunei, namanya, A. Aming bin A. Bakir.

Datuk James Wong Kim Min: On a point of Order, Sir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: What order?

Datuk James Wong Kim Min: I think the Honourable Member is imputing

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau dengan keadaan Ahli Yang Berhormat itu tidak puas hati dengan apa yang diucapkan oleh Ahli dari Kuala Selangor, kenapa terlajak mulutnya membangkitkan masalah Limbang. Beliau patut berhentikan masalah Limbang, sebab sudah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam masalah usul yang ada di hadapan kita ini. Saya harap walaupun hasil ini diambil oleh Kerajaan Negeri, samada Kerajaan Negeri Sarawak atau Kerajaan di Persekutuan ini, ketika kembalikan wang tender kepada peninder-peninder kita itu hendaklah diberi dengan segera.

Yang kedua, seseorang yang telah dapat tender kerana membalak kayu itu diberi kepada orang lain. Orang lain pula, ketika mengambil kayu itu mengambil kayu kelas satu; kayu kelas dua, kelas tiga dan kelas empat ditinggalkan membazir. Dengan keadaan yang semacam ini, Kerajaan Negeri samada Sarawak dan juga Persekutuan mengambil perhatian supaya kayu yang membazir itu kalau dikeluarkan Kerajaan kita dapat hasil.

Selain daripada itu, satu perkara yang patut Kerajaan memberikan perhatian dan kerjasama dengan Kementerian Perhubungan iaitu pembalok-pembalok ini mengambil kayu dengan menggunakan lori hantu, lori yang tidak dibayar cukai kepada Kerajaan. Masalah ini merugikan negara sebab mereka mengeluarkan hasil kayu dengan menggunakan lori yang tidak dibayar cukai yang digunakan dalam hutan. Ini satu masalah yang saya fikir yang patut Kerajaan mengambil perhatian supaya Kementerian Perhubungan dan Kerajaan Pusat dapat hasil daripada lori-lori yang mengangkut kayu balak.

Satu perkara lagi dalam masalah kayu balak ini saya mengharapkan Kerajaan Pusat menubuhkan satu perbadanan memajukan kayu-kayu dengan disamakan sistemnya di seluruh negara ini dan patut kita memikirkan bahawa banyak kilang-kilang yang didirikan dalam negara ini yang berada dalam bandar, maka patut dipindahkan ke satu tempat yang lain.

Akhirnya, rakan-rakan saya tadi menyatakan bahawa hasil kayu ini ialah hasil utama negara yang paling penting dan sesiapa juga yang mendapat perusahaan kayu balak itu menjadi kaya-raya. Ini menjadi satu sungutan kepada rakyat jelata, sebab mereka ingin merasai nikmat yang didapati oleh orang-orang itu. Walaupun secara tidak langsung Kerajaan telah mengenakan cukai dan wangnya diserahkan kepada Perbendaharaan untuk dibuat pembangunan untuk rakyat tetapi rakyat Malaysia menghendaki supaya nikmat daripada hasil kayu balak itu mereka juga perolehi sama. Oleh itu, saya mengesyorkan kepada kerajaan pada masa yang akan datang, segala kilang-kilang pembalok, segala kilang plywood yang diusahakan oleh Perbadanan Negeri, yang diusahakan oleh swasta dan yang diusahakan oleh kaum modal hendaklah dengan tegas 30% saham modal kilang itu diedarkan kepada seluruh rakyat Malaysia. Dengan demikian itu, merasalah rakyat jelata itu akan keuntungan daripada hasil kayu balak itu.

6.13 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan kepada usul ini. Sebahagian daripada alasan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyokong usul ini adalah sesuai dengan kehendak daripada usul ini sendiri. Saya rasa tidak payahlah saya mengulas alasan dan perkara-perkara yang ditimbulkan daripada sokongan yang telah mereka berikan itu.

Satu perkara lagi, usul ini adalah berhubung dengan masalah yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan seharusnya perkara-perkara yang berkaitan dengannya itu dikemukakan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, dan saya dapati banyak

Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan yang berhubung kuasa Kerajaan Negeri. Dari segi ini segala masalaah itu akan diambil perhatian dan akan dikemukakan kepada pihak-pihak Kerajaan Negeri yang tertentu.

Masalaah participation yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis itu adalah berhubung dengan Kerajaan Negeri dan saya harap masalaah itu dapat dikemukakan kepada Kerajaan tersebut. Dari segi menggalakkan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Semenanjung Malaysia pergi ke Malaysia Timur dan Ahli-ahli dari Malaysia Timur lebih banyak melawat ke Semenanjung Malaysia, kita tidak menyekat kalau Ahli-ahli Yang Berhormat hendak pergi sendiri melawat daripada Malaysia Timur, ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya. Kalau berkehendakkan Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan untuk mereka itu mengadakan lawatan, saya rasa ini adalah satu perkara yang sukar hendak dipertimbangkan kerana kita hendak mencegah inflasi pada hari ini dan kita hendak menyekat mana-mana perbelanjaan yang difikirkan tidak produktif atau tidak memberi keuntungan yang besar kepada kemajuan negara. Kalau hendak ditimbangkan perkara ini, saya fikir bukanlah masanya pada kali ini, tetapi mungkin masa ke hadapan apabila keadaan baik. Mengenai masalaah tiket keretapi yang diberikan percuma bagi tiap-tiap seorang Ahli Yang Berhormat itu, tujuannya untuk memudahkan mereka itu pergi dan balik kawasan yang mereka wakili ke ibu negara ini terutamanya, atau dengan mana-mana tempat yang mana pas keretapi boleh digunakan.

Berkenaan masalaah kadar cukai yang dirasakan lebih daripada 5% itu sebenarnya cukai yang dikenakan ialah 5% tetapi dia berasaskan kepada harga f.o.b. dan walaupun pihak pengeksport juga menetapkan harganya, tetapi harga f.o.b. ini ditetapkan oleh pegawai Kastam sendiri kadang kala terdapat perbezaan harga ini. Dengan sebab itu, berasaskan kepada harga f.o.b. yang kita tetapkan itu, maka perbezaan peratus cukai yang kepada pengeksport.

Mengenai masalaah yang lain yang berhubung dengan Kementerian Perusahaan Utama perkara ini saya akan dikemukakan

kepada Kementerian tersebut untuk tindakan Kementerian itu selanjutnya. Itulah sahaja saya hendak sebutkan dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen-kecil (2) dalam 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 24 tahun 1974 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1974

6.18 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 25 tahun 1974 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk mengenakan cukai impot sebanyak \$300 setan ke atas kaca atau gelas daripada jenis-jenis seperti kaca kepingan, kaca yang berupa bentuk, kaca berwayar dan lain-lain yang terjatuh di bawah Nombor-nombor Tarif 70.04 000, 75.05 000 dan 70.06 000. Ini adalah cukai perlindungan untuk memberi bantuan kepada perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.20 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Isbak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong usul ini kerana adanya protection oleh Kerajaan terhadap sebuah kilang yang ada di Sungai Buluh yang membuat sheet glass.

Saya berpendapat jikalau diberi kilang ini mempertahankan supaya barang-barang kaca daripada luar negeri tidak dapat masuk ke negeri kita ini oleh kerana kilang ini ada membuatnya; memang betul kita menggalakkan, tetapi saya takut kilang ini akan menjual lebih mahal lagi daripada yang kita dapat dari luar negeri.

Dalam masa rancangan pembangunan lima tahun yang kedua ini, kita berkehendakkan kaca lebih banyak lagi oleh kerana perumahan-perumahan pada hari ini saya nampak baikpun bangunan yang besar-besar ataupun kecil nampaknya banyak menggunakan kaca-kaca (sheet glass), baikpun ada wayer di dalamnya ataupun tidak ada wayer di dalamnya. Dengan sebab itu tentu sekali sebagai kapitalis oleh kerana Kerajaan ada memberi peluang supaya dia monopoli perkara ini kita tidak boleh dapat impot daripada luar negeri maka dinaikkan harga sheet glass ini. Apabila harganya naik maka bukan sahaja orang ramai akan menanggungnya tetapi Kerajaan juga akan menanggung bersama oleh kerana Kerajaan akan membina bangunan-bangunan yang lebih lagi pada hari akan datang. Dengan itu, Kerajaan ataupun Kementerian yang bertanggungjawab, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mestilah melihat dari satu masa ke satu masa berkenaan dengan harga ini, kerana kalau tidak dibuat begitu; kita sudah belajar iaitu banyak kilang-kilang setelah kita beri protection kepada mereka maka mereka ini menjual bahan-bahannya lebih mahal daripada bahan-bahan yang kita dapat daripada luar negeri. Mereka akan mengatakan jika kita hendak beli boleh beli dan jika tidak hendak tidak mengapa. Jadi kalau Kerajaan hendak buat satu protection kepada mereka tentu sekalilah kerugian akan menimpa kepada rakyat jelata dalam negeri ini. Sungguhpun saya tahu Kerajaan Negeri Selangor ada mempunyai saham 10% dan Perbadanan Negeri Perak ada mempunyai saham 10% tetapi digunakan oleh Jepun ataupun digunakan oleh orang lain menjadi perkakas kerana kita cuma ada mempunyai saham 20%, bukan 30%. Dasar Kerajaan mengatakan 30% tetapi kita mempunyai 20%, kalau saya tidak silap dan kalau silap dapat ditegur di atas perkara ini. Oleh kerana 20% inilah kita menjadi perkakas kepada Jepun ataupun lain-lain. Dengan sebab itu, saya harap kepada Kerajaan dapat

melihatkan di atas perkara ini supaya pembangunan kita akan berjalan dengan lancarnya.

6.26 ptg.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar) (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I fully support the measure to protect our local glass industry by imposing this import duty. I would, however, urge the Government to consider the fact that in doing so it must ensure that there is an adequate supply of glass for building purposes, because I remember not too long ago, I think about 8 months ago, when the Government announced that protection is going to be given to the establishment of a factory in Malaysia, the price of sheet glass jumped up overnight just because of this announcement. So, it must therefore make sure that when this new law becomes effective, the . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: It is already effective, I think.

Tuan Goh Hock Guan: It is already effective—thank you, Sir—make sure that the cost of sheet glass is held at its present level, i.e. the price in force before this factory started to produce the sheet glass; otherwise the problem of inflation would go up some more and the cost of houses would also jump up accordingly.

The other point, Sir, is that it is necessary that our local glass factories produce sufficient glass of all types to cope with the rapidly rising demand for this material because of the upsurge of building activities throughout Malaysia, and I hope that precisely because we have set up our own glass factory it would be possible to see these glasses at a much cheaper price than if they have been imported into this country.

I would also urge that the Government encourage this glass factory to produce not only the ordinary type of glass for house building but also to produce the other types, the anti-sun glass, the wired glass, glasses of various thicknesses, even mirror glass at a later stage, because these are the glasses which are now very much in demand not only in Malaysia and we hope that we will be able to export some of these glasses to our neighbours in the Asean countries. So these are the few points I have got to say.

6.27 ptg.

Datuk Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan saya declare interest di atas subject matter ini kerana saya seorang Pengarah Malaysian Sheet Glass.

Apa yang dikatakan oleh wakil dari Kuala Selangor tadi iaitu Malaysia mempunyai 20% sebenarnya itu tidak betul. Syer orang Melayu 20%, bangsa asing 29% jadi tidaklah kita menjadi perkakas kepada Jepun. Yang sebenarnya ada 8 orang Jepun sahaja di sini dan tahun ini kita keluarkan seorang, tinggal 7 orang dan kita hendak latih orang Melayu kebanyakannya dan akhir-akhir ini kesemua orang Malaysia akan mengendalikan Malaysian Sheet Glass di Sungai Buluh.

Mengenai harga kita boleh beri jaminan yang tegas apabila dibandingkan dengan negeri-negeri yang di sebelah sini kaca yang dikeluarkan oleh Malaysian Sheet Glass ialah yang murah sekali dan kita tidak akan menaikkan harga satu sen pun, melainkan dengan dipersetujui terlebih dahulu oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Kita

keluarkan kaca dengan secukup-cukupnya, dan pada pagi tadi saya berada di kilang kaca, saya dapati bertimbun-timbun kaca kita. Jenis kaca yang kita keluarkan sekarang ialah plain glass dan fibre glass. Sekarang kita boleh keluarkan apa jenis kaca mengikut kemudahan orang-orang Malaysia dan sekarang kita keluarkan 60% untuk local use dan 40% untuk diekspot. Sekiranya timbul kemungkinan kekurangan kaca dalam negara kita, kita sedia menahan ekspot itu untuk sepenuh-penuhnya bagi negara kita. Janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berasas ragu-ragu kerana kilang kita ini besar dan termoden sekali di Tenggara Asia kita ini. Kita bersedia mengeluarkan bermacam-macam jenis kaca lagi. Tidak berapa lama lagi kita akan manufacture safety glass. Apa yang boleh buat di negeri lain, kilang kita di Sungai Buluh dapat mengadakan dengan sepenuh-penuhnya untuk kegunaan negara kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab pada hari esok. Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.